

JILID II

BIL. 2

152

HARI SELASA

151

24 NOVEMBER 1987



LAPORAN PERSIDANGAN

OFFICIAL REPORT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KETUJUH

SEVENTH LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG

PENGGAL YANG KEDUA
SECOND SESSION

MESYUARAT YANG KEDUA
SECOND MEETING

ISSN 0304-1697



LAPORAN PERSIDANGAN

OFFICIAL REPORT

**DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
• YANG KETUJUH**

SEVENTH LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG

**PENGGAL YANG KEDUA
SECOND SESSION**

**MESYUARAT YANG KEDUA
SECOND MEETING.**

KANDUNGAN

PERBAHASAN DI ATAS RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (1988), 1987 (SAMB.)
RANG UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (PINDAAN), 1987
USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1988

MUKASURAT

3
27
30

**LAPORAN PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI,
PULAU PINANG YANG KETUJUH,
MESYUARAT YANG KEDUA BAGI PENGGAL YANG KEDUA**

HARI SELASA, 24 NOVEMBER 1987

HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Speaker (Encik Ooi Ean Kwong)
Yang Amat Berhormat Ketua Menteri (Dr. Lim Chong Eu)
Yang Berhormat Penasihat Undang-undang Negeri (Datuk Mohd. Saari bin Yusuff,
D.S.P.N., D.J.N.)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas,
D.M.P.N., D.J.N.)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Pinang (Datuk Khoo Kay Por, D.M.P.N.,
J.M.N., J.P.)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar,
P.P.T.)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar,
P.J.K., P.J.M.)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Tengah (Encik Liang Thau Sang, P.J.M., J.P.)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim bin Saad)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Ara Rendang (Encik Zakaria bin Bakar)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Mak Mandin (Dr. Sak Cheng Lum)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad, P.P.N.,
P.J.K., P.J.M., J.P.)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli,
P.J.K.)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Acheh (Puan Hajjah Ragayah binti Ariff,
K.M.N., A.M.N., P.P.N., D.J.N., P.J.K.)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Penanti (Encik Yahaya bin Jamaluddin)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Batu Uban (Puan Kee Phaik Cheen)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Encik Yahaya bin Abdul Hamid)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Boey Weng Keat)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Penaga (Encik Abdul Razak bin Ismail)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Bakap (Dr. Lim Boon Sho, A.M.N., P.J.K.)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Tanjong Bungah (Encik Khoo Boo Yeang, P.J.K.)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Encik Abd. Roni bin H. Hasan)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Machang Bubok (Encik Goik Hock Lai)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Gooi Hock Seng)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Perai (Encik Shanmugam s/o Nadason)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Jawi (Encik Chin Kooi Thoon)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Batu Lanchang (Encik Tan Loo Jit)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Kebun Bunga (Encik Peter Huang)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng)

TIDAK HADIR:

Yang Berhormat Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Lim Kit Siang)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Karpal Singh)

TURUT HADIR:

Setiausaha, Dewan Undangan (Encik Wong Hin Fatt, P.J.K. P.J.M.)

Dewan bersidang semula pada jam 9.34 pagi.

DOA

Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan disambung semula. Sekarang Dewan dibuka untuk perbahasan. Sesiapa yang ingin mengambil bahagian?

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Gooi Hock Seng):

Tuan Speaker, bagi pihak Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang DAP, saya ingin merakamkan ke dalam rekod rasa kesal kami yang teramat sangat dan bantahan yang amat keras terhadap Tuan Speaker ke atas penolakan usul yang dikemukakan oleh Ahli Kawasan Pengkalan Kota untuk dibahas di Dewan yang mulia ini berkenaan dengan penangkapan dan penahanan dua orang Ahli Yang Berhormat Dewan ini iaitu Ketua Pembangkang, Ahli dari Kampong Kolam, Encik Lim Kit Siang dan Ahli dari Bukit Glugor, Encik Karpal Singh dan juga lain-lain pemimpin dan ahli-ahli dari berbagai pertubuhan awam dan persatuan dan parti-parti politik di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri baru-baru ini.

Alasan yang diberi oleh Tuan Speaker bagi penolakan usul tersebut adalah sunggu-sungguh tidak boleh diterima oleh DAP. Alasan yang diberi oleh Tuan Speaker bahawa perkara dan tindakan tersebut tidak ada kena mengena dengan pihak Kerajaan Negeri dan adalah mengecewakan serta penyertaan yang sungguh menyedihkan ke atas peranan dan fungsi Dewan Undangan Negeri. Dewan Undangan Negeri adalah bukan Kerajaan Negeri ataupun suatu cawangan Kerajaan Negeri. Ia adalah satu badan perundangan yang bebas di setiap negeri dan peranannya bukanlah hanya menggubal undang-undang bagi negeri, tetapi juga suatu tempat di mana wakil-wakil yang dilantik oleh orang ramai di dalam negeri yang mempunyai kuasa bebas untuk berbincang dan membuat keputusan ke atas perkara-perkara yang melibatkan

hak-hak, kepentingan-kepentingan inspirasi-inspirasi dan juga kepentingan rakyat Negeri Pulau Pinang. Saya bersetuju bahawa pihak Kerajaan Negeri tidak mempunyai sebarang kuasa undang-undang atas penangkapan yang berlaku baru-baru ini di mana ianya adalah semata-mata satu perkara di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri dan kuasa terletak di tangan Menteri Dalam Negeri, tetapi ini tidak bererti bahawa Dewan Undangan ini tidak boleh menyuarakan pandangan-pandangan ke atas penangkapan tersebut bagi pihak rakyat Negeri Pulau Pinang. Penangkapan dan penahanan Ahli Yang Berhormat dari Kampong Kolam dan Bukit Glugor dan 104 orang yang lain di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri baru-baru ini telah menyentuh perasaan yang amat terhadap rakyat-rakyat di dalam negeri ini khususnya rakyat Negeri Pulau Pinang. Penangkapan dan penahanan 106 orang walaupun dibebaskan selepas (gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar):

Peraturan 46(iv), Tuan Speaker, tiap-tiap Ahli hendaklah menghadkan buah fikirannya kepada perkara yang ditimbang-kan sahaja. Jadi dalam perkara ini kita membahaskan Rang Undang-undang mengenai dengan perbekalan. Jadi saya nam-pak Ahli Kawasan Ayer Itam mengambil kesempatan ini untuk mengalih pandangan kita kepada perkara-perkara yang lain. Jadi saya minta lebih baik kita tumpukan perhatian kita kepada perkara-perkara yang dibahaskan.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Gooi Hock Seng):

Tuan Speaker, berkenaan dengan (gangguan).

Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat, sila duduk. Sekarang masalah yang kita hadapi ialah Rang Undang-undang Perbekalan, sila berucap di bawah Rang Undang-undang ini.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Gooi Hock Seng):

Tuan Speaker, Rang Undang-undang Perbekalan adalah untuk membuat peruntukan bagi fungsi Dewan ini. Fungsi Dewan ini termasuk fungsi Speaker.

Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat saya telah putuskan bahawa sila berucap di bawah Rang Undang-undang Perbekalan (gangguan).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, ada peruntukan untuk Dewan di dalam *budget* oleh kerana beliau (gangguan).

Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat, sila duduk. Bila saya panggil baru boleh bangun. Kalau tidak, sila duduk.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Gooi Hock Seng):

Tuan Speaker, apa yang telah saya ucap adalah mengenai dengan *supply bill* ini dan saya ingin teruskan ucapan saya.

Tangkapan dan penahanan 106 orang walaupun telah dibebaskan pada hari Jumaat yang lepas bukanlah hanya satu soalan penangkapan dan penahanan hanya 106 individu tetapi yang lebih penting ialah hanya berkenaan soalan-soalan yang mana Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ini harus mengambil berat dengan sedalam-dalamnya. Usul yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Kota bukanlah hanya berlegar berkenaan tangkapan dan penahanan Ahli-ahli dari DAP tetapi juga Ahli-ahli dari Gerakan, MCA dan UMNO walaupun team 'B' sahaja.

Saya percaya bahawa ada Ahli-ahli Dewan ini dari Parti Gerakan, MCA, dan UMNO yang ingin menyatakan beberapa patah perkataan sokongan terhadap rakan-

rakan mereka yang ditahan melainkan sudah tentu mereka menyokong sepenuhnya ke atas penangkapan dan penahanan rakan-rakan mereka ini seperti Yang Berhormat dari UMNO di Parlimen. Dalam Dewan Rakyat di tahan kawan mereka, saya rasapun dah tentu ada Ahli-ahli UMNO sini mempunyai perasaan yang sama. Dalam apa hal sekali pun jika Ahli-ahli dari Gerakan, MCA dan UMNO tidak minat untuk (gangguan).

Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Ayer Itam, di bawah Peraturan 51(4) saya perintah bahawa tidak boleh sambung dalam ucapan beliau (gangguan).

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Gooi Hock Seng):

Tuan Speaker, di dalam penahanan adapun (gangguan).

Tuan Speaker:

Yang Berhormat keputusan telah dibuat, sila duduk. Di bawah Peraturan 51(4) sila duduk.

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Berkenaan dengan seorang wakil rakyat (gangguan).

Tuan Speaker:

Sila duduk Ahli dari Kawasan Berapit.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Penjelasan Tuan Speaker, beri saya peluang. Rakan saya membahaskan mengenai Perbekalan oleh kerana gaji Tuan Speaker dan gaji kita semua di bawah belanjawan ini dan oleh itu kita ada hak untuk berbahas.

Tuan Speaker:

Ahli Kawasan Pengkalan Kota, sila duduk. Saya telah memutuskan bahawa

saya akan menggunakan Peraturan 51(4). Sila duduk (gangguan).

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Gooi Hock Seng):

Tuan Speaker pun dari parti Gerakan (gangguan).

Tuan Speaker:

Yang Berhormat Ahli Kawasan Ayer Itam, jikalau masih berdegil-degil, saya akan menggunakan kuasa saya.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Jangan salah gunakan kuasa.

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chin Heng Kai):

Ini satu (gangguan).

Tuan Speaker:

Sila duduk Ahli dari Kawasan Berapit. Sila duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat siapa ingin mengambil bahagian? Dipersilakan Ahli Kawasan Permatang Pasir (gangguan).

Ahli Kawasan Air Itam (Encik Gooi Hock Seng):

Tuan Speaker, kalau begitu kami tidak akan bersidang lagi. Pada persidangan ini, kami akan *boycott*!

(Wakil-wakil DAP keluar dari Dewan).

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli):

O.K. go ahead, boleh jalan, pengecut, tidak berani berhadapan Dewan ini, boleh keluar! Tidak berani menghadapi kenyataan. Inikah perjuangan hendak membela rakyat?

Tuan Speaker:

Sila teruskan Ahli Kawasan Permatang Pasir.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli):

Tuan Speaker, Y.A.B. Ketua Menteri,

Yang Berhormat-Yang Berhormat Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, salam sejahtera saya ucapkan.

Saya Haji Adnan bin Haji Ramli, ADUN Kawasan Permatang Pasir bangun menyokong Rang Undang-undang Perbekalan tahun 1988 yang dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri untuk mendapat persetujuan atau kelulusan daripada Dewan yang mulia ini bagi membolehkan Kerajaan Negeri membelanjakan sejumlah \$70,416,740.00.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya juga memohon izin untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan ini. Belanjawan Pulau Pinang untuk tahun 1988 yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri adalah belanjawan yang penuh kesedaran dan bertanggungjawab serta berterus-terang kepada rakyat dan kepada Dewan ini. Di dalam ucapan Y.A.B. Ketua Menteri yang menyebutkan bahawa belanjawan tahun 1988 menghadapi defisit sejumlah \$4,719,900.00.

Tuan Speaker, jumlah Hasil Negeri seperti yang dijangka akan dipungut sebanyak \$104,729,320.00 dan anggaran perbelanjaan pengurusan negeri pula ialah sejumlah \$109,449,270.00. Ini bermakna anggaran perbelanjaan lebih banyak daripada pendapatan. Tuan Speaker, jumlah defisit ataupun kekurangan sebanyak \$4,719,900.00 adalah tidak mengejutkan saya kerana kekurangan ataupun defisit belanjawan ini adalah jumlah yang kecil dan terlalu sedikit jika dibandingkan dengan tahun-tahun yang lalu, begitu juga jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain. Walau bagaimanapun Pulau Pinang sebuah negeri yang kecil, jumlah hasil tahun 1988 boleh dibanggakan. Anggaran kutipan dianggarkan sejumlah \$104,729,320.00 jika dibandingkan dengan tahun-tahun yang lalu iaitu 1987, jumlah anggarannya hanya \$92,206,260.00 sahaja. Ini bermakna menunjukkan anggaran kutipan hasil tahun 1988 berlebihan dengan tahun yang lalu berjumlah \$12,523,060.00. Pada saya,

Tuan Speaker, perbelanjaan ini tidak membebankan rakyat bahkan menunaikan kehendak-kehendak rakyat jelata di negeri ini.

Tuan Speaker, belanjawan tahun ini bolehlah disifatkan sebagai belanjawan berjimat cermat walaupun pertumbuhan ekonomi yang lembab dan hasil negeri yang terhad disebabkan saiz negeri yang semula jadi tetapi kemajuan dan kepentingan rakyat tidak terjejas. Ini membuktikan kebijaksanaan Kerajaan Negeri dan kebolehan serta kecekapan pegawai-pegawai yang menjalankan pengurusan dan perkhidmatan, walaupun semasa negeri mengalami kemelesetan ekonomi. Oleh itu adalah diharapkan langkah berjimat cermat di dalam perbelanjaan dan melaksanakan segala projek-projek hendaklah diteruskan dengan bersungguh-sungguh. Saya yakin dan percaya dengan cara begini kita dapat mengatasi tekanan krisis ekonomi.

Tuan Speaker, Kerajaan hendaklah menyekat pemborosan, pembaziran dan penghapusan perkara-perkara yang tidak memberi faedah serta tidak boleh membantu kemajuan rakyat. Kita sedar Negeri Pulau Pinang juga seperti negeri-negeri lain ataupun lain-lain negara di dunia ini. Sejak bermula daripada tahun 1980, ini adalah merupakan kemelesetan yang paling lama dan teruk sejak perang dunia yang kedua. Dengan itu sudah tentulah proses pemulihan juga perlu masa yang panjang walaupun ada tanda-tanda berlakunya pemulihan. Di dalam menghadapi krisis ekonomi, kita tidak boleh mengambil sikap menuduh ataupun menyalah sesiapa. Selaras dengan itu, kita mesti membantu dan menyokong Kerajaan di dalam usaha-usaha mencadang atau merancang kemajuan ekonomi jangka pendek dan jangka panjang yang bertujuan untuk menambahkan daya pengeluaran ekonomi negara. Kita harus juga menyokong dan membantu Kerajaan melaksanakan beberapa pembaharuan yang bertujuan untuk kebaikan negeri dan rakyat.

Tuan Speaker, berjimat cermat adalah menjadi satu amalan yang baik walaupun untuk individu, masyarakat ataupun negara. Dengan cara begini boleh kita mengurangkan keadaan kemelesetan ekonomi yang kita sama-sama dan sedang alami, Tuan Speaker. Kesan keburukan kemelesetan ekonomi dirasai dan ditanggung oleh semua rakyat, baik yang tinggal di bandar ataupun di luar bandar. Adalah diharapkan kepada jabatan-jabatan di negeri ini dan agensi-agensi di negeri ini dan pusat serta pihak swasta dapat memainkan peranan dan kerjasama untuk meningkatkan produktiviti serta meninggikan lagi mutu perkhidmatan dan pengurusan untuk kemajuan rakyat di Negeri Pulau Pinang.

Tuan Speaker, cukai yang terbesar ataupun satu-satu cukai tetap yang menjadi sumber pendapatan Negeri Pulau Pinang ialah cukai tanah dan dijangka akan dikutip pada tahun 1988 sebanyak \$22 juta sahaja. Diharapkan kepada pemilik-pemilik tanah supaya mempunyai satu tanggungjawab terhadap negeri dan rakyat yang kita cintai ini dapat menjelaskan cukai-cukai mereka tersebut dengan sempurna yang mana hasil-hasil kutipan cukai tersebut akan digunakan untuk kemajuan negeri dan kepentingan rakyat sendiri. Apa yang mendukacitakan ialah tunggakan cukai tanah sebanyak \$15 juta masih belum dijelaskan oleh pemilik-pemilik tanah, Tuan Speaker. Di manakah silapnya tunggakan begitu banyak boleh berlaku? Diharap supaya Kerajaan Negeri akan mengambil tindakan yang tegas atau menggunakan budi bicara supaya jumlah tersebut dapat dikurangkan dan diselesaikan dengan secepat mungkin yang boleh.

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri juga mengambil berat dan mengadakan peruntukan pembangunan Sekolah Agama Rakyat, bimbingan pelajaran dan dakwah. Ini adalah menunjukkan satu usaha yang baik untuk menerapkan nilai-nilai Islam dan mewujudkan semangat kesedaran di kalangan pelajar-pelajar kita semoga dengan

adanya rancangan ini dapatlah menghindarkan ataupun mengurangkan berbagai-bagai pengaruh yang tidak diinginkan yang menyusupi di kalangan rakyat terutama sekali terhadap pelajar-pelajar. Diharap pihak yang berkenaan dapat menyusun program dan melaksanakan dengan segera.

Tuan Speaker, untuk kejayaan pentadbiran dan pengurusan, Kerajaan hendaklah bermula di peringkat kawasan dan daerah. Mutu pengurusan dan pentadbiran serta keikhlasan bekerja hendaklah dibuktikan. Kita jangan *bias*, memihak mana-mana pihak tetapi hendaklah bersikap adil. Tuan Speaker, jika sekiranya ada ataupun diadakan majlis perjumpaan ataupun dialog ataupun majlis-majlis penyampaian peruntukan-peruntukan ataupun bantuan-bantuan kepada rakyat yang dianjurkan di peringkat kawasan ataupun daerah, tolong jemputlah juga bersama-sama ADUN Kawasan, walaupun tidak memberi apa-apa peranan di Majlis itu cuma sekadar menghadiri dan menyaksikan sahaja kerana ingin bekerjasama dengan pegawai-pegawai demi untuk kemajuan rakyat. Ini adalah sekadar untuk peringatan atau rintihan daripada ADUN biasa yang tidak mempunyai kuasa pengurusan.

Tuan Speaker, seperkara lagi yang saya hendak timbulkan berhubung dengan perlantikan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung. Ini juga pengurusan di peringkat kawasan yang mana keputusan di peringkat kawasan, peringkat daerah telah diperakui oleh Penghulu dan Pegawai Daerah tetapi ada calon-calon yang dikeselamatan ditolak oleh peringkat negeri atas alasan apa dan dasar apa. Mengikut pengalaman saya apa yang saya tahu bahawa Penghulu dan Pegawai Daerah yang lebih arif dan kenal rakyat di kawasan-kawasan mereka termasuk juga ADUN. Dengan penolakan itu maka jawatan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung di kawasan tertentu dikosongkan. Dengan yang demikian terjejaslah pentadbiran dan pengurusan di kawasan tersebut. Yang saya katakan pengurusan dan pentadbiran ber-

mula daripada peringkat bawahan, bukan di peringkat atasan. Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung adalah pentadbiran dan pengurusan kecil di peringkat kawasan dan kampung. Pentadbiran yang baik mestilah bermula daripada kampung ke peringkat daerah dan ke peringkat negeri serta seterusnya ke peringkat negara.

Tuan Speaker, Undang-undang Perbekalan yang berjumlah \$70,416,740.00 yang telah dibentangkan di Dewan ini serta penerangan yang *detail* telah diberi oleh Y.A.B. Ketua Menteri yang menunjukkan maksud dan tujuan serta azam Kerajaan hendak menunaikan hasrat rakyat dan juga hendak menegaskan bahawa peruntukan ini tidak membebankan mana-mana pihak sama ada rakyat di bandar atau di luar bandar. Tuan Speaker, saya juga mengambil kesempatan melalui Dewan yang mulia ini merayu kepada Kerajaan Pusat supaya dapat mengkaji semula dan menambahkan lagi peruntukan Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Lagi sekali saya ulangi bahawa saya juga mengambil kesempatan melalui Dewan yang mulia ini merayu kepada Kerajaan Pusat supaya dapat mengkaji semula dan menambahkan lagi peruntukan Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri. Begitu juga hutang-hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Pusat hendaklah dikaji semula juga supaya membolehkan meringankan beban Kerajaan Negeri, tambahan pula di zaman krisis ekonomi ini.

Tuan Speaker, kejayaan di bidang pentadbiran dan pengurusan serta penjimatan perbelanjaan adalah boleh menstabilkan sesuatu negeri dan negara dan juga boleh menjamin kesempurnaan hidup rakyat. Kemajuan dan kejayaan ini akan dicapai sekiranya mendapat kerjasama dan persefahaman daripada semua pihak yang berkenaan seperti pemimpin politik dengan pegawai-pegawai, di antara jabatan sesama jabatan hendaklah mendapat persefahaman dan pegawai Kerajaan dengan rakyat, begitu juga sebaliknya. Sebagai orang yang bertanggungjawab hendaklah sentiasa bersikap adil, jujur dan ikhlas terhadap tugas masing-

masing yang diamanahkan. Di bidang pengurusan dan pentadbiran, janganlah mengamalkan sikap perkauman serta pilih kasih. Kita mesti kekalkan semangat muhibbah, harmoni, demi untuk kebahagiaan dan keamanan dan kemakmuran kita bersama, lebih-lebih lagi Negeri Pulau Pinang mempunyai rakyatnya yang berbilang kaum, keturunan, ugama dan adat resam.

Tuan Speaker, walaupun berbagai-bagai rancangan yang telah dicipta, perubahan-perubahan sistem anggaran dan perbelanjaan yang banyak serta jadual-jadual pentadbiran dilengkapi dengan alat-alat moden, namun itu semua tidaklah boleh menentukan atau mencapai kejayaan jika sekiranya kerjasama dan persefahaman tidak diamanahkan seperti yang saya katakan tadi. Pengurusan pentadbiran, belanjawan dan prestasi Kerajaan boleh ditulis, boleh dibentang dan boleh diluluskan, tetapi amalan dan pelaksanaan yang amat mustahak mesti dipraktikkan, yang mana pelaksanaan yang ada, adalah menunaikan satu amanah yang telah dijanjikan kepada rakyat dan kepada Allah Subhanahu Wataala. Perkhidmatan dan usaha-usaha yang baik sentiasa disanjung dan dihargai, tetapi kerja-kerja yang baik banyak pula mendapat halangan dan rintangan serta tekanan daripada berbagai-bagai pihak. Anggaplah perkara itu sebagai cubaan dan dugaan. Kita perlu bersabar demi untuk kegemilangan dan kejayaan bangsa, negara dan agama. Usaha-usaha untuk menjimatkan kewangan negeri dan mengawasi setiap perbelanjaan adalah satu langkah yang bijak, tambahan pula di masa negara menghadapi kemelesetan ekonomi.

Tuan Speaker, untuk meningkatkan prestasi perkhidmatan kerja, kita haruslah mempunyai semangat kesedaran, sanggup menghadapi perubahan, kerja keras dan adil, jujur dan ikhlas. Ini hendaklah dipraktikkan dan diamanahkan. Empat perkara yang saya sebutkan itu mestilah diamali dan wujud di semua peringkat serta golongan. Jika berkehendakkan kualiti kerja

ditingkatkan serta dapat memberi perkhidmatan yang baik kepada masyarakat dan rakyat. Tuan Speaker, kejayaan dan kemajuan sesebuah negeri adalah terletak kepada kecekapan pengurusan dan pentadbiran yang cekap dan jujur serta ikhlas, tidak mementingkan diri dan mencuri tulang. Adalah diharapkan Kerajaan hendaklah mengambil tindakan yang tegas, jangan tolak ansur terhadap mereka-mereka yang malas dan tidak berdisiplin.

Tuan Speaker, saya yakin dan percaya bahawa peruntukan sebanyak \$70,416,740.00 untuk belanjawan Negeri Pulau Pinang bagi tahun 1988 ini telah diteliti dan dirancang untuk membekalkan peruntukan kewangan yang cukup terhadap kegunaan Kerajaan Negeri mengikut keperluan undang-undang dan perlembagaan serta Akta Kewangan. Oleh itu saya berharap supaya belanjawan yang diuntukkan ini hendaklah dibelanja dengan sebaik-baik mungkin supaya tidak disalahgunakan atau tidak membazir. Di zaman kemelesetan ekonomi ini, Kerajaan haruslah berhati-hati dan mengawasi setiap perbelanjaan kerana wang yang dibelanjakan itu adalah wang rakyat. Justeru itu pegawai-pegawai dan kakitangan hendaklah menganggap bahawa perkhidmatan mereka dengan Kerajaan adalah sebagai ibadah dan berkhidmat bakti mereka kepada masyarakat dan negara, janganlah menganggap khidmat dan pekerjaan mereka hanya untuk mendapat gaji dan upahan sahaja.

Tuan Speaker, semasa negara menghadapi kemelesetan ekonomi, maka elok sangatlah kerja-kerja amal dan khidmat sukarela di kalangan pegawai dan kakitangan Kerajaan dipertingkatkan dan digalakkan. Dengan adanya kerja-kerja tersebut, maka dengan cara langsung dapatlah menjimatkan perbelanjaan kewangan Perbendaharaan negeri kita. Tuan Speaker, didapati belanjawan Negeri Pulau Pinang tahun ini iaitu tahun 1988 telah diperuntukkan lebih dari \$2.5 juta untuk kerja-kerja lebih masa iaitu *overtime* menurut Kepala 14000, Tuan Speaker, mengikut laporan prestasi

jabatan. Memandangkan keadaan masa dan ketika kita menghadapi kemelesetan ekonomi melanda negara, maka pada pendapat saya bahawa peruntukan membayar kerja-kerja lebih masa (*overtime*) pada masa sekarang ini tidaklah harus dibuat ataupun digalakkan, hendaklah dikaji. Peruntukan sebanyak \$2.5 juta adalah satu jumlah yang besar. Jumlah wang ini boleh digunakan berbagai-bagai rancangan dan memberi peluang pekerjaan kepada ramai, penganggur-penganggur yang berkehendakkan pekerjaan di negeri kita ini.

Tuan Speaker, saya lihat senarai peruntukan yang dibentangkan iaitu perbelanjaan jabatan-jabatan di Negeri Pulau Pinang didapati sebahagian besar atau kebanyakan jabatan-jabatan perbelanjaannya tidak sampai pun jumlah \$2.5 juta. Oleh itu saya berharap supaya pihak Kerajaan Negeri hendaklah mengambil perhatian dan ingatan berkenaan dengan pembayaran lebih masa itu.

Tuan Speaker, kesan buruk kemelesetan ekonomi ini dirasakan dan ditanggung oleh semua rakyat, baik yang tinggal di bandar ataupun di luar bandar. Pengawasan yang rapi, kejujuran dan keikhlasan bertindak terhadap perbelanjaan wang negeri sangat-sangat dihargai demi untuk kebaikan rakyat dan Negeri Pulau Pinang.

Tuan Speaker, didapati hutang orang ramai, maksud saya pemilik-pemilik tanah dan pembeli-pembeli rumah kepada Kerajaan Negeri pada masa ini yang telah dimaklumkan di Dewan ini bahawa hutang cukai tanah \$15 juta, hutang perumahan \$6,294,000.00 lebih dan pembayaran tukar syarat tanah yang berjumlah \$20,996,799.00 masih belum dijelaskan dan tempoh kelulusan telah terbatal. Jadi jumlah semua lebih kurang \$49,290,790.00 lebih yang dijangka boleh dipungut untuk menambahkan Tabung Perbendaharaan Negeri. Jika jumlah ini boleh dipungut ataupun sebahagiannya, maka kita boleh dan mungkin tidak menghadapi belanjawan defisit. Oleh itu saya berharap kepada

Kerajaan Negeri dapat mengambil perhatian yang serius terhadap hutang-hutang tersebut. Kalau perlu Tuan Speaker, tubuhkan satu Jawatankuasa Khas memungut hutang Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang dipengerusikan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ataupun Exco yang mana wang yang terpendam itu boleh digunakan bagi berbagai rancangan-rancangan untuk kemajuan rakyat di negeri ini.

Tuan Speaker, rancangan projek perumahan akan diteruskan di negeri ini pada tahun 1988, tetapi didapati ada rancangan pembinaan perumahan yang terbengkalai. Kegagalan dan kelewatan mendirikan bangunan-bangunan tersebut adalah menunjukkan dan mencerminkan kelemahan pengurusan dan prestasi Kerajaan Negeri. Oleh itu tindakan yang wajar dan tegas perlu diambil supaya pemborong menepati jadual pembinaan dan jangka siap, mengikut seperti yang telah dipersetujui bersama.

Tuan Speaker, Melancong ke Negeri Pulau Pinang tahun 1988. Ini adalah satu usaha yang baik, rancangan ini boleh membantu dan meningkatkan lagi ekonomi negeri. Hasrat Kerajaan hendak memajukan industri pelancongan Negeri Pulau Pinang. Kerajaan Negeri telah menyediakan sejumlah \$500,000.00 iaitu setengah juta. Saya berharap segala program dan perlaksanaan yang hendak diadakan hendaklah mencerminkan Negara Malaysia yang sebenar-benarnya, jangan sehingga boleh mencemarkan nilai-nilai kebudayaan bangsa, agama dan adat kita. Tahun Melancong ke Pulau Pinang dalam tahun 1988 janganlah melancong sekitar Pulau sahaja, hendaklah meliputi Pulau dan Seberang. Saya juga berharap rancangan ini dapat perhatian dan minat daripada Kerajaan Pusat khususnya Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Dengan itu bolehlah Kerajaan Negeri memohon bantuan, peruntukan, kemudahan dan kerjasama untuk menjayakan industri pelancongan di negeri ini.

Tuan Speaker, saya juga mengucapkan terima kasih kepada pegawai-pegawai yang

telah merangka dan menyusun Rancangan Undang-undang Peruntukan sehingga berjaya dibentangkan di Dewan ini. Walau bagaimanapun saya ingin membuat sedikit tegoran terhadap kandungan Buku Prestasi di muka 8, kalau tidak silap saya tidak tercatat kandungan yang perlu dicatatkan iaitu Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri — ada 8, tetapi di sini ada 7, dan tidak tercatat Jawatankuasa Tanah dan Pembangunan Luar Bandar. Apa sebab? Adakah ia dihentikan? Mungkin ini kesilapan dan saya harap ini patut diperbaiki yang mana boleh diperbetulkan. Jadi Tuan Speaker, saya juga menyanjung tinggi dan menghayati di atas usaha-usaha yang gigih Y.A.B. Ketua Menteri untuk menarik minat pelabur-pelabur daripada dalam dan luar negeri datang melabur di negeri ini. Tujuannya untuk menambahkan lagi kekuatan ekonomi negeri serta memberi peluang pekerjaan kepada rakyat Negeri Pulau Pinang. Kepada Y.A.B. Ketua Menteri, dan Yang Berhormat Yang Berhormat Ahli Exco, Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri dan Persekutuan yang terdiri daripada semua peringkat, saya mengucapkan terima kasih dan penghargaan di atas segala sumbangan dan perkhidmatan mereka terhadap Negeri Pulau Pinang.

Akhirnya saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Speaker yang memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian perbahasan Rancangan Undang-undang Perbekalan tahun 1988. Sekian, saya menyokong Rancangan Undang-undang Perbekalan 1988 untuk kelulusan Dewan.

Terima kasih.

Tuan Speaker:

Siapa lagi mahu mengambil bahagian? Masalah yang kita hadapi sekarang (gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar):

Tuan Speaker, saya pohon Dewan ini ditangguhkan 5 minit.

Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan 10 minit untuk minuman ringan.

Dewan ditangguhkan pada jam 10.20 pagi.

Dewan disambung semula pada jam 11.15 pagi.

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, sebelum kita membuat perbahasan dalam perbekalan, mengikut Peraturan 118, saya bangun untuk membentangkan satu usul yang penting untuk Dewan ini.

Tuan Speaker:

Siapa sokong?

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Tuan Speaker, saya sokong.

Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat, masalah yang kita hadapi sekarang ialah cadangan untuk menggantung Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat di bawah Peraturan 118(1) yang berbunyi begini:-

“Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan atau salah satu atau lebih daripadanya boleh digantung kekuatkuasanya jika diundi oleh sebilangan besar daripada Ahli-ahli yang hadir di sesuatu mesyuarat itu ataupun jika usul dibuat dengan keizinan Speaker dengan tidak payah mengeluarkan pemberitahu.”

Tuan Speaker:

Ahli-ahli yang bersetuju katakan ‘ya’.

‘Ya’.

Ahli-ahli yang tidak bersetuju katakan ‘tidak’.

‘Ya’ sebulat suara.

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, saya bangun di bawah Peraturan 118(1) untuk menjalankan satu usul yang saya berasa penting selepas apa yang telah dicari tadi. Tidak payahlah saya sebut lebih panjang lagi tapi nampaknya kita di dalam Dewan ini mestilah masukkan dalam rekod kita tentang apa yang telah terjadi di mana Ahli-ahli parti pembangkang telah menunjukkan satu perasaan yang merosot sekali.

Tuan Speaker, usul saya berbunyi demikian:-

“Dewan ini amat kesal akan sikap yang negatif serta tindakan yang tidak bertatertib dan tidak bertanggungjawab yang diambil oleh pihak pembangkang dengan keluar beramai-ramai dari Dewan selepas mencabar kuasa Tuan Speaker dan seterusnya tidak mengambil bahagian dalam perbahasan yang penting mengenai Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 1988. Perbuatan tersebut menunjukkan bahawa mereka tidak bersedia menerima dan menghormati Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Tindakan mereka juga bertentangan dengan dakwaan mereka sebagai pembangkang yang bertanggungjawab.”

Tuan Speaker:

Siapa sokong?

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat, usul ini dibuka untuk perbahasan. Siapa ingin mengambil bahagian?

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar):

Tuan Speaker, saya bangun untuk

menyokong usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat mengenai dengan sikap yang tidak bertanggungjawab yang telah ditunjukkan oleh pihak parti pembangkang.

Tuan Speaker, kita dapati jelas bahawa parti pihak pembangkang tidak membuat persiapan yang rapi untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan di mana kita semua sedia maklum bahawa Rang Undang-undang Perbekalan ini begitu mustahak. Jadi bagi menunjukkan kepada kita bahawa sebagai mengabui mata, mereka telah mengalihkan pandangan. Mereka cuba mencari sebab-sebab yang tertentu yang membolehkan mereka meninggalkan Dewan ini dengan tindakan yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Speaker, mengikut Peraturan-peraturan berbahas sepertimana yang dicatitkan di bawah Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Perkara 46, jelas menunjukkan semasa kita membahaskan sesuatu rang itu hendaklah kita bahaskan perkara yang di dalam pertimbangan Dewan. Tetapi pihak bahaskan perkara yang di dalam pertimbangan Dewan. Tetapi pihak pembangkang langsung tidak mahu mengindahkan Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Kerajaan. Mereka sebaliknya ingin membawa isu-isu yang lain. Kalau mengikut Peraturan 46(vi), jelas menunjukkan bahawa perkara yang hendak dibahaskan ialah mengenai Rang Undang-undang Perbekalan tapi nampaknya mereka cuba membangkitkan perkara yang berhubung dengan tahanan di bawah ISA.

Sebenarnya perkara yang di bawah budibicara Mahkamah jelas disebutkan di bawah Peraturan 46(vii) di mana salah seorang Ahli Dewan ini tidak boleh membahaskan kerana perkara ini di dalam bidang kuasa Mahkamah, tetapi pihak pembangkang cuba juga membangkitkan perkara ini.

Selain daripada itu nampak jelas bahawa mereka langsung tidak mengindah-

kan arahan-arahan yang dibuat oleh Tuan Speaker. Jadi mereka telahpun menyerang secara peribadi ke atas Tuan Speaker dan perkara ini amatlah tidak patut. Kita berasa begitu kesal di atas sikap yang dibuat oleh ahli-ahli pembangkang ini, jadi Tuan Speaker, saya harap pihak pembangkang hendaklah menggunakan Dewan ini dan kesempatan yang ada ini untuk betul-betul menunjukkan bahawa mereka adalah pihak pembangkang yang bertanggungjawab, hadir di sini untuk membahaskan mengenai dengan masalah bil perbekalan, mengenai dengan masalah rakyat, bukan datang di sini untuk mencari kesempatan membangkitkan perkara-perkara yang mereka gagal membawanya ke Parlimen tetapi cuba membawanya pula di Dewan Undangan Negeri yang mulia ini.

Jadi Tuan Speaker, saya sekali lagi menyokong usul yang dibawa oleh Y.A.B. Ketua Menteri.

Tuan Speaker:

Siapa lagi?

Masalah yang kita hadapi sekarang ialah Dewan ini amat kesal akan sikap negatif serta tindakan yang tidak bertatertib dan tidak bertanggungjawab yang diambil oleh pihak pembangkang dengan keluar beramai-ramai dari Dewan selepas mencabar kuasa Tuan Speaker dan seterusnya tidak mengambil bahagian dalam perbahasan yang penting mengenai Rang Undang-undang Perbekalan tahun 1988. Perbuatan tersebut menunjukkan bahawa mereka tidak bersedia menerima dan menghormati Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Tindakan mereka juga bertentangan dengan dakwaan mereka sebagai pembangkang yang bertanggungjawab.

Tuan Speaker:

Ahli-ahli yang bersetuju katakan 'ya'.

'Ya'.

Ahli-ahli yang tidak bersetuju katakan 'tidak'.

'Ya' sebulat suara.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan disambung semula untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan. Siapa yang ingin mengambil bahagian? Dipersilakan Ahli dari Bayan Lepas.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Boey Weng Keat):

Saya bangun menyokong Rang Undang-undang Perbekalan bagi tahun 1988 yang dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri pada hari kelmarin di Dewan yang mulia ini dan ingin mengambil bahagian dalam perbahasan. Dari ucapan Y.A.B. Ketua Menteri kita dapat tahu bahawa jumlah hasil bagi tahun 1988 adalah sebanyak \$104,729,320.00. Jumlah ini diperolehi daripada tiga punca iaitu hasil cukai sebanyak \$26,056,000.00, hasil bukan cukai sebanyak \$40,454,190.00 dan penerimaan bukan hasil sebanyak \$38,219,130.00. Dari hasil cukai itu sebanyak \$22 juga adalah cukai tanah. Dari situ dapatlah kita lihat bahawa yang bakinya sebanyak \$4,056,000.00 itu dikutip daripada punca-punca yang lain selain daripada cukai tanah.

Walaupun begitu, Kerajaan Negeri yang dipimpin oleh Y.A.B. Ketua Menteri tetap menunjukkan kegigihannya untuk menghadapi keadaan ekonomi yang meleset pada masa sekarang ini. Kerajaan Negeri kita ini telah banyak berpengalaman dalam mengatasi masalah-masalah yang sulit yang dihadapi oleh rakyat dan juga banyak pengalaman dalam bekerja bersama-sama dengan rakyat terutamanya di pihak swasta. Kerajaan Negeri kita ini faham dan sedar atas batas-batas keupayaannya yang ianya tidak kaya dengan sumber-sumber semula jadi yang terdapat di negeri ini. Dalam keadaan seperti ini Kerajaan Negeri kita telahpun mengenalpasti kelebihan dan berusaha bersungguh-sungguh untuk menonjolkan kedudukannya yang strategik dan berpotensi itu supaya menjadikannya sebuah pusat perkhidmatan am bagi pertumbuhan perniagaan dan kewangan di rantau ini, dengan menjalankan projek-

projek reklamasi dan pembangunan sivil dengan berkesannya untuk masa hadapan. Dengan terlaksananya rancangan tersebut Kerajaan Negeri tentulah dapat memperbanyakkan punca hasilnya.

Oleh itu rakyat negeri kita ini haruslah memberi sokongan yang kuat terhadap rancangan-rancangan tersebut dan haruslah bekerja rapat dengan Kerajaan sebab Kerajaan telah merancang projek-projek untuk mencapai faedah yang terbesar bagi kepentingan rakyat pada masa yang akan datang di negeri kita ini.

Tuan Speaker, kita sedar juga bahawa Kerajaan Negeri telah menyemak satu anggaran belanjawan yang teliti bagi semua jabatan dengan harapan supaya semua jabatan dapat menjalankan aktiviti-aktiviti mereka dengan cekap dan berkesan. Ini patutlah dipuji, akan tetapi kita dapati bahawa di antara jabatan-jabatan seperti Jabatan Kerja Raya, Jabatan Parit dan Tali-air, Majlis Perbandaran Pulau Pinang ataupun Seberang Perai dan Pejabat-pejabat Daerah yang kadang-kadang tidak mahu menerima satu tanggungjawab yang kriterial. Maksud saya ialah parit konkrit di tepi jalan, parit tanah di kawasan kampung-kampung, kalau tersekat ataupun rosak, jabatan manakah yang bertanggungjawab untuk menyempurnakannya? Begitu juga bagi jalan-jalan di lorong-lorong, lorong belakang dan sebagainya, bila rosak, jabatan manakah yang akan membaikinya? Inilah satu masalah yang saya harap kalau Kerajaan Negeri dapat mengambil satu keputusan ke atas perkara tersebut, maka perkhidmatan Kerajaan Negeri kepada rakyat di negeri kita ini akan menjadi lebih baik dan elok. Oleh itu saya haraplah Kerajaan akan mengambil tindakan untuk mengatasi masalah tersebut supaya perkara tolak-menolak tugas mereka tidak berlaku.

Tuan Speaker, di sini saya ingin membangkitkan satu perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ahli Kawasan Permatang Pasir tadi berkenaan dengan Anggaran Perbelanjaan bahawa

tentang Jawatankuasa Tanah itu tidak dapat disebutkan dalam muka surat 8 bagi Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi bagi tahun 1988 ini. Sebenarnya ketujuh yang tersebut itu di muka surat 8 itu, adalah di bawah Setiausaha Kerajaan Negeri dan yang kelapan, yang tertinggal itu adalah diservice oleh Pejabat Pengarah Tanah dan Galian. Jadi saya ingin merakamkan supaya perkara ini dapat diperbetulkan.

Tuan Speaker, kita juga dapat melihat bahawa pagi tadi parti pembangkang telah mengambil satu keputusan yang sangat dikesalkan sebab mereka membawa perkara-perkara yang berkenaan dengan kepentingan rakyat di kawasan mereka masing-masing tidak diperbincangkan di dalam Dewan yang mulia ini. Sebab inilah peluang yang paling baik untuk mereka membawakan perkara-perkara yang dihadapi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat parti pembangkang di dalam Dewan ini. Jadi dengan perbuatan mereka ini dapatlah kita nampak bahawa parti pembangkang hanyalah mahu mencari publisiti yang murah dengan jalan keluar yang senang sekali.

Tuan Speaker, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan bagi tahun 1988 ini.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo):

Saya bangun membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan tahun 1988 yang dibangkitkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri dan saya menyokong penuh Rang Undang-undang ini.

Tuan Speaker, saya berasa gembira setelah mendengar teks ucapan Y.A.B. Ketua Menteri semalam yang beliau menyatakan bahawa dari anggaran perbelanjaan sebanyak \$4,687,390.00 di bawah Kod 42000 akan diperuntukkan sebanyak \$500,000.00 kepada pembangunan pelancongan Negeri Pulau Pinang dan seterusnya mengisytiharkan Tahun Melancong ke Pulau Pinang pada tahun depan. Saya mengucapkan peng-

hargaan atas industri pelancongan yang diusahakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang merupakan salah sebuah negeri yang terkenal dengan keindahan alam sekitar yang mempunyai banyak tempat pelancongan. Oleh itu Pulau Pinang dikenali sebagai Pulau Mutiara. Kerajaan Negeri Pulau Pinang menitikberatkan aspek ini dan memberi peruntukan bagi memajukan pembangunan pelancongan. Ini menunjukkan kecekapan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam hal ini harus patut dihargai.

Tuan Speaker, disebabkan kemelesetan ekonomi ke atas industri pelancongan serta persaingan hebat dari negara-negara jiran, telah mengakibatkan Pulau Pinang menghadapi kesulitan dalam pembangunan ekonomi. Seterusnya hotel-hotel dan pengurusan penerbangan awam yang ada kaitan secara langsung dengan pelancongan telah mengalami pukulan yang kuat sekali.

Tuan Speaker, dalam keadaan yang rumit ketika ini, Kerajaan telah berusaha memberi perhatian dan memberi peruntukan serta mengisytiharkan tahun 1988 sebagai Tahun Pelancongan Negeri Pulau Pinang. Langkah Kerajaan ini tetap akan membolehkan mendapat banyak pertukaran wang asing yang akan memberi sumbangan besar kepada kemajuan ekonomi Pulau Pinang.

Tuan Speaker, saya suka ambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri yang menjadikan tahun depan sebagai Tahun Pelancongan ke Pulau Pinang. Saya juga berharap Tahun Pelancongan ke Negeri Pulau Pinang akan menarik lebih banyak pelancong-pelancong ke Negeri Pulau Pinang.

Tuan Speaker, Y.A.B. Ketua Menteri dalam ucapannya juga menyatakan bahawa Jabatan Kerja Raya diperuntukkan belanjawan sebanyak \$16,038,140.00. Ini menunjukkan pertambahan sebanyak \$199,720.00 dibandingkan dengan peruntukan tahun 1987 iaitu sebanyak \$15,838,420.00. Walaupun bayaran gaji

dan elaun kepada kakitangan Jabatan Kerja Raya pada tahun 1988 meningkat sebanyak \$299,820.00 akan tetapi peruntukan bagi lain-lain bahagian dan jabatan itu telah dikurangkan.

Tuan Speaker, penjimatan perbelanjaan kepada perkara yang tidak mustahak adalah merupakan langkah yang perlu dan bijak.

Tuan Speaker, jika dibandingkan anggaran belanjawan, bayaran gaji dan elaun Jabatan Kerja Raya tahun 1988 sebanyak \$8,479,710.00 dengan anggaran tahun 1987 sebanyak \$8,228,330.00 didapati bayaran gaji dan elaun akan meningkat sebanyak \$251,380.00. Sila rujuk muka 83 Kod 11000.

Tuan Speaker, saya menyatakan ini tidak logik kerana mengikut maklumat yang saya dapati, bilangan kakitangan Jabatan Kerja Raya pada tahun 1988 akan dikurangkan sebanyak 240 orang. Tahun ini dan tahun depan Jabatan Kerja Raya mempunyai kakitangan seperti berikut:-

Kakitangan Kumpulan A, bagi tahun 1987 — 12 orang dan tahun 1988 — 12 orang juga.

Kakitangan Kumpulan B, bagi tahun 1987 — 38 orang dan tahun 1988 — 38 orang juga.

Kakitangan Kumpulan C, bagi tahun 1987 jumlah 105 orang dan tahun 1988 — 105 juga.

Kakitangan dalam Kumpulan D, adalah berjumlah 1,429 orang di tahun 1987 dan tahun 1988 adalah 1,189 orang.

Jadi kakitangan di dalam Kumpulan D telah dikurangkan sebanyak 240 orang. Ini bermakna bilangan kakitangan bagi Kumpulan A, B, C, untuk tahun ini dan tahun depan tidak berubah, hanya Kumpulan D telah dikurangkan. Dari seramai 240 orang pekerja-pekerja Kumpulan D merupakan 88% tenaga buruh di Jabatan Kerja Raya. Bilangan kakitangan Jabatan Kerja Raya dikurangkan seramai 240 orang tetapi

anggaran bayaran gaji sahaja akan meningkat sebanyak \$251,380.00. Inilah yang saya nyatakan tidak ada logik dan tidak selaras dengan apa yang disebutkan berjimat perbelanjaan.

Tuan Speaker, saya ingin bangkitkan di Dewan yang mulia ini mengenai dengan Bukit Bendera. Tuan Speaker, Bukit Bendera bukan sahaja sebagai tempat peranginan di Pulau Pinang tetapi juga tempat pelancongan yang terkenal di antarabangsa. Dari perangkaan yang berkaitan dengan bilangan pengguna yang melawat Bukit Bendera pada tahun kebelakangan ini, sudah jelas dapat kita lihat bahawa Bukit Bendera cukup terdaya menarik pelancong sama ada dari dalam negeri atau luar negeri. Pada tahun 1984 keseluruhannya ada 426,445 orang pengguna yang naik Keretapi Bukit Bendera, manakala pada tahun 1985 ada 445,000 orang. Pada tahun 1986 dijangka ada 470,000 orang tetapi sebenarnya ada 580,111 orang. Pada tahun 1987 dan 1988 dijangka anggaran adalah 650,000 orang.

Tuan Speaker, dari tambahan pelancong tiap-tiap tahun ini, kita dapat jangka pendapatan yang boleh diperolehi oleh negeri setiap tahun seperti berikut:

Pada tahun 1984 pendapatan sebenarnya ialah \$1,123,292.00 manakala pada tahun 1985 ialah \$1,127,200.00, pada tahun 1986 ialah \$1,217,200.00. Pendapatan sebenar \$1,390,711.00. Pada tahun 1987 dan 1988 ialah \$1,450,000.00 dan \$1,470,000.00. Setelah menolak perbelanjaan sebanyak \$832,340.00, pada 1986, kita beruntung sebanyak \$477,371.00, manakala ditolak perbelanjaan sebanyak \$885,720.00 pada tahun 1987, kita beruntung \$564,280.00 dan ditolak perbelanjaan sebanyak \$945,780.00 pada tahun 1988, kita beruntung \$524,220.00.

Tuan Speaker, secara hitung panjang adalah 1,300 orang pengguna keretapi yang melawat Bukit Bendera pada tiap-tiap hari. Dengan ini Keretapi Bukit Bendera sudah

menjadi satu jabatan yang mendatangkan keuntungan. Oleh itu Kerajaan harus terutamanya mengendalikan Keretapi Bukit Bendera dengan baik supaya ianya dapat memberi perkhidmatan yang memuaskan dalam keadaan yang baik sekali. Dengan ini bukan sahaja ianya dapat menarik lebih ramai pelancong ke Pulau Pinang tetapi juga ianya dapat mempercepatkan pertumbuhan ekonomi negeri kita dan seterusnya menjadikan Pulau Pinang terkenal sama ada dalam negeri, mahupun di antarabangsa.

Tuan Speaker, saya sangat kesal kerana perkhidmatan keretapi kurang berkesan dan perkhidmatannya kerap kali diberhentikan kerana kerosakan yang selalu berlaku. Selain daripada itu keadaan dalam keretapi seperti pengedaran angin, lampu dan kerusi tidak dikendalikan dengan baik, tempat keluar dan masuk, serta tempat tiket sama ada di kaki bukit mahupun di puncak bukit memberi kesan bahawa tempat itu kuno dan mundur. Kelengkapan keselamatan yang terdapat di tengah tempat di pertukaran keretapi di pertengahan bukit tidak memuaskan dengan kata lain mereka tidak mahu melawat sekali lagi. Ini adalah punca yang pelancong makin hari makin berkurangan dan pendapatan Kerajaan Negeri pun ikut berkurangan. Walaupun perkhidmatan Keretapi Bukit Bendera tidak memuaskan ianya masih merupakan satu jabatan yang mendatangkan keuntungan. Kerajaan Negeri harus memperbaiki perkhidmatannya secara lebih positif supaya memastikan pengendaliannya berada dalam keadaan yang baik sekali. Selain daripada itu, wajib juga kita memperbaharui kelengkapannya dari semasa ke semasa supaya ianya sejajar dengan kemajuan zaman. Saya percaya dengan cara ini Kerajaan Negeri boleh memperolehi tukaran wang asing yang lebih banyak dan juga dapat menyediakan perkhidmatan pengangkutan yang lebih berkesan.

Tuan Speaker, kerana keuntungan, perkhidmatan Keretapi Bukit Bendera saya tidak dapat tidak hendak menegur kerugian perkhidmatan bas Majlis Perbandaran Pulau

Pinang. Perkhidmatan bas Majlis Perbandaran Pulau Pinang bukan sahaja kerugian tiap-tiap tahun tetapi juga sudah meninggalkan kesan yang buruk di kalangan penduduk-penduduk di Pulau Pinang. Jelas sekali ini berpunca dari perkhidmatan yang tidak berkesan. Majlis Perbandaran Pulau Pinang yang mengendalikan perkhidmatan bas ini harus dipersalahkan. Jalan-jalan yang dipilih oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang sebagai perjalanan perkhidmatannya mempunyai penumpang-penumpang yang ramai sekali, jika dibandingkan dengan perjalanan swasta, perjalanan Majlis Perbandaran Pulau Pinang ada lebih baik. Walaupun demikian, perkhidmatan bas swasta selalu beruntung tiap-tiap tahun, manakala perkhidmatan bas Majlis Perbandaran Pulau Pinang kerugian dengan jumlah yang besar. Apakah sebabnya? Kita perlu menyiasat secara panjang lebar.

Tuan Speaker, pihak yang bercadang supaya perkhidmatan bas Majlis Perbandaran Pulau Pinang diswasta dan saya merasa bahawa ini adalah satu sikap yang tidak bertanggungjawab. Saya yakin pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang bersetuju dengan pendapat saya. Penyelesaian masalah kerugian perkhidmatan bas Majlis Perbandaran Pulau Pinang tidak bergantung kepada penswastan tetapi bergantung kepada pengendalian dan *administrative* yang betul. Cara yang baik sekali ialah mengadakan penyiasatan tentang sistem *administrative* dan sikap perkhidmatan pekerja supaya kita dapat mengesan punca yang sebenarnya, bas sama bas mengapa pihak swasta boleh beruntung manakala pihak awam kerugian. Tidak syak lagi faktor-faktornya bukan bas tetapi manusia. Dengan kata lain, faktor manusia yang menyebabkan kerugian bas Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Dengan ini kita merasa ragu-ragu adakah perkhidmatan bas Majlis Perbandaran Pulau Pinang betul-betul tidak beruntung?

Tuan Speaker, saya cadang supaya Kerajaan Negeri mengadakan satu badan untuk menyusun semula jabatan perkhid-

matan bas Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Mudah-mudahan dengan cara ini kita dapat mengubah imejnya yang tidak beruntung itu. Saya berharap juga dengan cara ini jabatan pengangkutan bas Majlis Perbandaran Pulau Pinang dapat mencontohi firma bas swasta atau jabatan Keretapi Bukit Bendera dan menjadikannya satu jabatan yang boleh mendatangkan keuntungan. Ini bukan sahaja boleh mengubah kesan buruk di kalangan penduduk-penduduk bandaraya terhadap perkhidmatan bas Majlis Perbandaran Pulau Pinang.

Tuan Speaker, KOMTAR merupakan satu pusat pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Mengikut maklumat yang saya perolehi berhubung dengan penggunaan telefon untuk pejabat-pejabat dan agensi-agensi Kerajaan, adalah seperti berikut:

Panggilan telefon masuk ke semua pejabat dan agensi-agensi Kerajaan di KOMTAR pada tahun 1986 sebanyak 310,000 kali. Pada tahun 1987 sebanyak 320,000 kali dan anggaran tahun 1988 sebanyak 340,000 kali. Purata sebanyak 900 kali panggilan telefon masuk ke KOMTAR setiap hari.

Tuan Speaker, bilangan panggilan telefon dibuat keluar setiap tahun ialah sebanyak 170,000 kali, purata sebanyak 470 kali panggilan telefon dibuat keluar setiap hari. Jadi panggilan telefon masuk ke KOMTAR dan panggilan telefon keluar dari KOMTAR berjumlah sebanyak lebih kurang 1,370 kali setiap hari. Kesibukan panggilan telefon tidak dapat dinafikan. Tuan Speaker, saya tidak faham dalam keadaan kesibukan panggilan telefon, pihak KOMTAR hanya mempunyai sebuah switch telefon yang bernombor 621957 dan 3 orang operator telefon. Sekiranya ada operator yang mengambil cuti atau jatuh sakit, hanya tinggal seorang atau dua orang pekerja sahaja. Ini mengakibatkan susah sekali hendak membuat panggilan terus ke pejabat-pejabat atau agensi-agensi Kerajaan. Kadang-kadang sampai setengah

jam barulah dapat panggilan masuk ke pejabat-pejabat atau agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan di KOMTAR. Kepada orang-orang yang ada urusan penting atau kecemasan, kesukaran menghubungi pihak yang tertentu melalui telefon di KOMTAR akan dapat memberi kerumitan. Dengan ini usaha Kerajaan untuk menjalin perhubungan rapat di antara Pihak Berkuasa Kerajaan dengan orang ramai boleh dikatakan gagal. Selain daripada keburukan perkhidmatan telefon di KOMTAR terdapat juga Majlis Perbandaran Pulau Pinang mempunyai sebuah switch telefon yang bernombor 624400. Majlis Perbandaran Pulau Pinang mempunyai banyak bahagian tetapi hanya mempunyai sebuah telefon untuk dihubungi oleh orang ramai. Ini tetap akan memberi kesulitan kepada orang ramai.

Tuan Speaker, Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan telah diperuntukkan sebanyak \$18,227,490.00. Dalam peruntukan ini sebanyak \$1,187,450.00 diperuntukkan kepada Dewan Sri sebagai Anggaran Perbelanjaan tahun 1988. Mengikut statistik yang lepas, Dewan Sri dari tahun 1984 hingga 1988 memperoleh kutipan hasil seperti berikut:

Kutipan hasil yang benar pada tahun 1984 adalah sebanyak \$233,630.00. Anggaran kutipan hasil pada tahun 1988 adalah sebanyak \$400,000.00. Anggaran kutipan hasil pada tahun 1986 adalah sebanyak \$400,000.00, tetapi kutipan hasil yang sebenar hanya sebanyak \$90,543.00. Pada tahun ini kutipan-kutipan hasil yang tersebut kebanyakannya datang daripada sewaan dan tempahan menggunakan auditorium, bilik-bilik mesyuarat, Dewan Serbaguna, perpustakaan, restoran-restoran dan lain-lain.

Tuan Speaker, saya ingin menyentuh sedikit sebanyak tentang perbelanjaan Dewan Sri Pinang. Pada tahun 1984, jumlah bayaran gaji dan upah serta elaun kerja lebih masa kepada pekerja-pekerja sebanyak \$93,900.00. Perbelanjaan pada

tahun 1986 ada sebanyak \$94,520.00 dan pada tahun 1987 anggaran perbelanjaan adalah sebanyak \$106,800.00 manakala anggaran perbelanjaan pada tahun 1988 adalah sebanyak \$130,190.00. Selain daripada perbelanjaan bagi membiayai gaji dan upahan pekerja-pekerja, Dewan Sri terpaksa membayar bil-bil bekalan dan bekalan air dan letrik, stem dan telefon dan lain-lain.

Tuan Speaker, pada tahun 1984 anggaran membayar bil-bil bekalan air dan letrik sebanyak \$153,000.00. Pada tahun 1986, sebanyak \$160,000.00. Pada tahun 1987 sebanyak \$163,000.00 dan pada tahun depan sebanyak \$165,000.00.

Tuan Speaker, mengikut kutipan-kutipan hasil dan perbelanjaan-perbelanjaan pada tahun-tahun yang lepas, jelas menunjukkan bahawa kutipan hasil yang diperoleh setiap tahun telah dikurangkan sejumlah \$233,630.00, yang dikutip pada tahun 1984 telah dikurangkan kepada sebanyak \$95,543.00 pada tahun 1986. Kutipan hasil bagi tahun 1987 yang benar belum dapat diketahui lagi. Sebaliknya perbelanjaan Dewan Sri Pinang semakin bertambah, hanya bayaran gaji pekerja-pekerja Dewan Sri Pinang semakin bertambah, hanya bayaran gaji pekerja-pekerja Dewan Sri yang berjumlah \$93,900.00 pada tahun 1984 telah meningkat dengan anggaran perbelanjaannya pada tahun 1988 adalah sebanyak \$113,190.00.

Tuan Speaker, perbelanjaan Dewan Sri Pinang selain daripada membayar bil-bil bekalan air dan letrik dan membayar gaji dan upahan, satu lagi perbelanjaan yang agak besar ialah penyelenggaraan dan pembaikan kecil yang diberi dan pembaikan bangunan. Anggaran pada tahun 1984 sebanyak \$67,000.00, pada tahun 1986 sebanyak \$1,065,000.00. Pada tahun 1987 sebanyak \$971,500.00. Pada tahun 1988 anggaran perbelanjaan untuk penyelenggaraan dan pembaikan kecil yang diberi sebanyak \$113,700.00. Sila semak Belanjawan Negeri Pulau Pinang bagi tahun 1988, Muka surat 36, Kod 28000 dan Anggaran Perbe-

lanjaan untuk Bangunan dan Pembaikan Bangunan sebanyak \$785,000.00. Sila semak Belanjawan Negeri bagi tahun 1988, Muka surat 37 Kod 32000. Kedua-dua Anggaran Perbelanjaan adalah berjumlah sebanyak \$898,700.00.

Tuan Speaker, seperti kita sedia maklum, Dewan Sri Pinang bukanlah sebuah perbadanan yang bertujuan untuk mencari keuntungan tetapi kedudukan pendapatan Dewan Sri Pinang sangat-sangat membimbangkan orang ramai dan telahpun mengakibatkan kekeliruan atas hak-hak pengurusan kewangan. Misalnya pada tahun 1984, kutipan hasil dari sewaan Dewan Sri adalah sebanyak \$233,630.00 dan pembayaran bil-bil bekalan air, letrik dan lain-lain berjumlah \$150,000.00. Sila semak Belanjawan Negeri Pulau Pinang bagi tahun 1984, Muka surat 30 Kod 244, Aktiviti 8. Ini adalah berpatutan kerana kutipan hasil banyak bermakna bilangan tempahan mengguna Dewan Sri banyak juga. Oleh itu perbelanjaan untuk bekalan air dan letrik tetap juga bertambah.

Tuan Speaker, pada tahun 1986 kutipan hasil telah berkurangan dan hanya sebanyak \$95,543.00 telah diperolehi. Ini bermakna bilangan tempahan menggunakan Dewan Sri telah juga berkurangan. Oleh itu perbelanjaan untuk bekalan air dan letrik dan lain-lain sepatutnya kurang, tetapi jumlah perbelanjaan bagi tahun 1986 adalah sebanyak \$160,000.00 dan ini melebihi sebanyak \$10,000.00 kalau dibandingkan dengan perbelanjaan pada tahun 1984. Saya ingin tahu di manakah berlakunya kesilapan ini? Mengapa perbelanjaan yang tidak lojik ini boleh berlaku? Saya berharap Tuan Speaker, pihak yang bertanggung dapat memberi penjelasan terhadap perkara ini.

Tuan Speaker, berhubung dengan perbelanjaan untuk pembaikan Dewan Sri dan membeli perabut-perabut, alat-alat letrik dan lain-lain, apakah sebabnya memerlukan perbelanjaan yang besar untuk maksud ini setiap tahun? Dari tahun 1986 hingga

1988, jumlah anggarannya adalah sebanyak \$2,835,200.00. Mengapa pembaikan Dewan Sri mesti dibuat setiap tahun dan setiap kali diadakan pembaikan ini bermakna memakan belanja yang besar sekali? Adakah pembaikan ini diperlukan? Misalnya lantai Bangunan Dewan Sri telah diganti dengan lantai yang baru. Apakah ini mustahak dan perlu dibuat?

Tuan Speaker, orang ramai mengunjungi Dewan Sri kerana berhajat menyaksikan persembahan hiburan tetapi tidak minat melihat sama ada lantai bangunan itu cantik atau tidak. Saya kerap kali pergi ke Dewan Sri Pinang dan tidak ambil perhatian tentang lantai bangunan itu juga.

Tuan Speaker, dalam kemerosotan ekonomi kita ini, Kerajaan sentiasa merayu rakyat supaya berjimat atas perbelanjaan akan tetapi Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menyediakan satu anggaran perbelanjaan sebanyak \$898,700.00 untuk Dewan Sri menjalankan penyelenggaraan dan pembaikan bangunannya.

Tuan Speaker, pendapat ini tidak praktikal, Anggaran Perbelanjaan tahun 1988 yang diperuntukkan kepada Dewan Sri untuk penyelenggaraan dan pembaikan bangunan melebihi perbelanjaan pembangunan sepanjang tahun 1988 untuk Pejabat Daerah Timur Laut.

Tuan Speaker, suka saya menyatakan di sini bahawa Daerah Timur Laut mempunyai penduduk yang teramai dan jumlah perbelanjaan tahun 1988 kalau dibanding dengan anggaran perbelanjaan pembaikan Dewan Sri Pinang terus menunjukkan anggaran perbelanjaan Dewan Sri adalah besar dan berbeza. Anggaran perbelanjaan pembaikan Bangunan Dewan Sri pada tahun 1988 adalah sebanyak jumlah \$898,700.00, jumlah perbelanjaan tahun 1988 bagi Pejabat Daerah Timur Laut termasuk bayaran gaji kepada 69 kakitangan pekerja dan lain-lain adalah sebanyak hanya \$786,090.00. Amaun ini kurang sebanyak \$112,610.00 kalau dibandingkan dengan jumlah angga-

yang dibelanjakan itu haruslah memastikan supaya memberi faedah kepada rakyat.

Tuan Speaker, sekali lagi, saya mengucapkan terima kasih dan menyokong penuh Rang Undang-undang ini.

Ahli Kawasan Tanjong Bungah (Encik Khoo Boo Yeang):

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya bangun untuk menyokong ucapan belanjawan Y.A.B. Ketua Menteri mengenai Rang Undang-undang Pembekalan 1988 (1987) walaupun kita akan menghadapi defisit sejumlah \$4,719,900.00. Kita memang akan mendapat *surplus* kalau 20% dari premium \$12 juta penswastan rumah murah dikira masuk dan juga sebilangan kutipan balik tunggakan sewa \$6 juta. Dengan adanya masalah rumah-rumah yang tidak dapat dijual di seluruh Malaysia bermakna dasar mempunyai rumah atau *house-owning policy* mesti ditambah dengan dasar sewa rumah atau *shelter-housing policy* untuk seseorang mempunyai sebuah rumah kos murah berharga \$25,000.00, mereka mesti mempunyai pendapatan tidak kurang \$600.00 sebulan. Ini bermakna selalu adanya segolongan rakyat yang tidak akan mampu mempunyai rumah. Saya berharap pihak pemaju swasta dan juga P.D.C. akan menyewa unit-unit rumah mereka pada masa ini dengan secara sewa atau sewa beli atau sewa sekarang beli kemudian, *buy now pay later or rent now buy later*. Misalnya di Rumah Pangsa Padang Tembak, penyewa-penyewa unit di sana selepas 20 tahun mampu dan mahu membeli unit-unit itu sekarang.

Tuan Speaker, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Jabatan-jabatan Kerajaan yang telah memberi bantuan yang begitu cekap kepada mangsa-mangsa tanah runtuh dan banjir baru-baru ini di Hong Seng Estate. Jabatan-jabatan itu ialah Pihak Berkuasa Air, Lembaga Letrik Negara, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Majlis Perbandaran Pulau Pinang, Bahagian Perumahan Negeri, Pejabat Daerah, Jabatan Parit dan Taliair serta Jabatan Polis.

Pelebaran jalan di Jalan Mesjid Negeri dan Jalan Scotland begitu baik tetapi bagaimana baik juga ada kesilapan dan ini ialah di sebahagian dari Penang Free School ke Convent Green Lane di mana dua laluan yang begitu sempit, sampai kalau dua kereta berjalan bersama-sama, tidak ada jalan untuk murid-murid sekolah berbasikal ataupun tempat untuk penyapu jalan itu berdiri. Saya berharap pihak berkuasa yang akan mengubahsuaikan bahu jalan yang lebar itu supaya mengadakan lorong basikal khususnya untuk murid-murid tidak kurang daripada 10 buah sekolah di sekitar Jalan Mesjid Negeri.

Dalam masa ekonomi yang lembab ini, saya merasa sangat bangga bahawa Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang sedang berusaha menarik pelabur-pelabur untuk suatu projek pembangunan dan reklamasi yang besar yang akan menentukan arah masa hadapan pembangunan sosio-ekonomi negeri kita ini menjelang abad ke 21.

Negeri kita ini juga mempunyai seorang *super salesman* yang juga dapat menarik begitu banyak pelabur asing ke negeri kita untuk memastikan tahap pembangunan industri yang tinggi dan juga untuk menjamin peluang-peluang pekerjaan untuk rakyat kita.

Usaha-usaha ini akan terjejas jikalau suasana politik di negara kita ini tidak stabil dan rakyat tidak bersatupadu. Kesalnya ada di antara masyarakat kita orang yang suka menjaguhkan isu-isu perkauman. Kelakuan ahli-ahli parti pembangkang pagi ini menunjukkan dengan begitu jelasnya keikhlasan parti DAP atas kewajipan mereka. Ini telah menunjukkan bahawa DAP tahu saja mengapi-apikan isu *sensitive* dan perasaan tidak puas hati demi kepentingan diri mereka sendiri. Dengan memulaukan Dewan yang mulia ini mereka telah mengabaikan tugas mereka ke atas hasrat dan cita-cita orang yang telah memilih mereka.

Dengan itu, sekianlah, terima kasih.

ran perbelanjaan untuk pembaikan Bangunan Dewan Sri. Ini jelas menunjukkan anggaran perbelanjaan untuk pembaikan Bangunan Dewan Sri Pinang merupakan satu perbelanjaan yang besar dan menakutkan orang ramai.

Tuan Speaker, Daerah Timur Laut luasnya lebih kurang setengah besar di Pulau ini. Perbelanjaan untuk pembaikan Bangunan Dewan Sri melebihi jumlah peruntukan untuk pembangunan bagi Daerah Timur Laut. Tambahan pula, didapati Dewan Sri setiap tahun memerlukan perbelanjaan besar untuk menjalankan pembaikan bangunan, sebaliknya didapati Pejabat Daerah Timur Laut hanya mempunyai sebuah mesylin taip elektrik sahaja. Kemudahan di pejabat itu tidak memuaskan langsung dan ini juga telah menunjukkan pembahagian peruntukan kepada Pejabat-pejabat Kerajaan tidak adil dan tidak berpatutan.

Tuan Speaker, saya merayu Kerajaan Negeri Pulau Pinang supaya mengkaji semula sama ada anggaran perbelanjaan yang besar untuk pembaikan Bangunan Dewan Sri itu perlu atau tidak atau dikurangkan. Saya harap pihak yang berkenaan akan menimbangkan membekal sebuah mesylin taip elektrik dan sebuah mesylin komputer kepada Bahagian Pembangunan, Pejabat Daerah Timur Laut supaya memperbaiki kemudahan serta meningkatkan mutu perkhidmatan Pejabat Daerah Timur Laut. Ini juga menunjukkan keadilan dalam pembahagian peruntukan kepada Pejabat-pejabat Kerajaan.

Tuan Speaker, di antara Pejabat-pejabat Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan, Pihak Berkuasa Air merupakan sebuah agensi yang cekap, berjimat dan mendapat keuntungan yang besar. Pihak Berkuasa Air walaupun berpindah ke KOMTAR, ia masih menggunakan perabut-perabut pejabat yang biasa dan tidaklah seperti beberapa agensi-agensi Kerajaan lain yang mengemaskinikan pejabatnya seperti bilik-bilik istimewa di hotel antarabangsa.

Oleh itu boleh dikata, Pihak Berkuasa Air adalah sebuah agensi yang benar-benar berjimat dan ia harus dicontohi oleh lain-lain agensi-agensi Kerajaan. Selain daripada itu, Pihak Berkuasa Air mempunyai perancangan langkah panjang berhubung dengan bekalan air seperti Ampangan Air Mengkuang di Bukit Mertajam. Dengan adanya dam ini seperti yang dikata 'sediakan payung sebelum hujan', ini seperti kata orang China 'wei yi cho mo', minta izin. Ini bermakna kita akan mengalami sekatan air lagi.

Tuan Speaker, kebanyakan agensi-agensi Kerajaan mengalami kerugian tahun demi tahun tetapi Pihak Berkuasa Air telah mendapat keuntungan besar. Di samping itu membekalkan air yang bermutu tinggi kepada rakyat Pulau Pinang. Prestasi dan kemajuan Pihak Berkuasa Air patut diberi penghargaan dan agensi-agensi dan Pejabat-pejabat Kerajaan yang lain harus mencontohi, mempelajari sikap dan prestasi yang diusahakan oleh Pihak Berkuasa Air.

Tuan Speaker, dalam kemelesetan ekonomi sekarang, Kerajaan harus menjimatkan setiap sen jika perlu untuk memastikan supaya mengurangkan perbezaan ke paras yang rendah sekali. Saya suka menekankan kepada pihak yang berkenaan iaitu dalam pembahagian peruntukan kepada Pejabat-pejabat Kerajaan harus mengambil tindakan yang adil dan sepatutnya supaya tidak akan berlaku, setengah pejabat-pejabat mendapat lebih banyak peruntukan sementara itu ada pula hanya mendapat peruntukan sedikit sahaja. Kita harus memastikan supaya tidak ada perbezaan besar di antara Pejabat-pejabat Kerajaan tentang pembaikan bangunan atau pejabatnya kerana patut ketika ini ada setengah pejabat menjalankan pembaikan bangunan setiap tahun dan ada setengah pejabat tidak pernah menjalankan pembaikan pejabat sekalipun.

Tuan Speaker, kewangan Kerajaan bernunca dari cukai pendapatan rakyat, oleh itu setiap sen mesti dibelanjakan dan dengan teliti dan berpatutan dan setiap sen

Tuan Speaker:

Siapa lagi? Kalau tak ada, sila gulong.

Ahli Kawasan Mak Mandin (Dr. Sak Cheng Lum):

Tuan Speaker, saya bangun juga untuk menyokong Rang Undang-undang Perbekalan tahun 1988 dan juga mengambil kesempatan untuk menjawab dua tiga perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat rakan-rakan saya di sebelah sini.

Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih di atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan, khususnya oleh Ahli Yang Berhormat dari Paya Terubong, dan Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pasir. Jadi dalam ucapan Yang Berhormat Ahli Kawasan Paya Terubong, memang kita di Dewan yang mulia ini telah dengar dengan puas hatinya, panjang lebar ucapan Yang Berhormat, mungkin saya boleh memberi sedikit pantun berbunyi:

Dari langit di Bukit Bendera;
Ke lantai baru di Dewan Sri;
ADUN Paya Terubong terus bersuara;
Pengertian beliau harus dipuji.

Tuan Speaker, berkaitan dengan perkhidmatan keretapi, walaupun stesyen dan sistem Keretapi Bukit Bendera adalah satu sistem yang kuno tetapi masih mempunyai daya penarik yang istimewa dan sentiasa dikunjungi oleh para pelawat khususnya pelancong-pelancong asing. Pihak Kerajaan sedar akan beberapa kekurangan dalam *service* atau perkhidmatan Keretapi Bukit Bendera, khususnya dalam masa cuti sekolah yang mana desakan dari begitu ramai para pelawat kepada Bukit Bendera pada masa itu dan perhatian perkhidmatan Keretapi Bukit Bendera dari semasa ke semasa adalah perlu, supaya kerja-kerja penyelenggaraan dapat dijalankan, tetapi, Tuan Speaker, adalah menjadi hasrat pihak Kerajaan Negeri untuk mencari cara-cara untuk meningkatkan lagi prestasi perkhidmatan Keretapi Bukit Bendera.

Tuan Speaker, tentang aktiviti pelancongan, memang industri pelancongan telah lama dikenalpastikan sebagai satu aktiviti yang penting, atau satu aktiviti ekonomi yang penting bagi Negeri Pulau Pinang dan sebenarnya sejak tahun 1972, aktiviti pelancongan telah dijalankan atau dipromosikan sebagai satu industri atau satu aktiviti perindustrian seperti aktiviti-aktiviti perindustrian yang lain, misalnya industri pembuatan atau perkilangan. Sehingga hari ini, industri pelancongan telah menyumbangkan sebanyak 15% kepada GDP atau *Gross Domestic Product* dalam ekonomi Pulau Pinang.

Tuan Speaker, seperti kita semua sedia maklum, Pulau Pinang telah berjaya untuk menjalankan program aktiviti sepanjang tahun atau dengan izin *year-long programme* dalam tahun 1986 melalui perayaan *Penang Festival* atau Pesta Pulau Pinang tahun 1986 dan juga dalam tahun ini kita telah mengadakan sepanjang tahun program untuk meraikan Perayaan Ulang Tahun Ke-30 Kemerdekaan negara kita.

Tuan Speaker, perayaan sepanjang tahun dalam tahun 1986 dan 1987 ini telah berjaya bukan sahaja dari segi membantu menggalakkan pelancongan di Pulau Pinang, tetapi telah juga memberi peluang melalui berbagai dan berbilang aktiviti khususnya penduduk-penduduk di Pulau Pinang untuk penyertaan masyarakat dan penduduk-penduduk di Pulau Pinang dalam kegiatan yang berguna dan sihat demi kepentingan negeri dan negara kita. Di samping itu juga, kegiatan-kegiatan yang telah dirancang dalam perayaan sepanjang tahun dalam kedua-dua tahun ini telah juga memberangsangkan berbagai-bagai aktiviti ekonomi sampingan.

Tuan Speaker, saya ingin mengambil kesempatan untuk melaporkan di dalam Dewan ini bahawa berikut adalah angka-angka atau statistik-statistik yang kita ada yang berkaitan dengan ketibaan para pelancong asing secara langsung atau dengan izin Tuan Speaker *direct tourist arrival*. Bagi

tahun ini, tahun 1987 dari bulan Januari hingga bulan September, kita telah merekodkan sejumlah 115,612 para pelancong yang telah tiba ke Pulau Pinang secara langsung dan kalau dibandingkan dengan angka bagi tempoh yang sama iaitu bulan Januari ke bulan September, bagi tahun 1986 yang mana bagi tahun 1986 telah mencatatkan sebanyak 105,203 para pelancong yang melawat Pulau Pinang. Ini bermakna bahawa bagi tempoh yang sama bagi tahun 1987 ini kita telah mencatatkan satu angka yang bertambah atau *increase* sebanyak 10,409 para pelancong asing yang telah tiba ke Pulau Pinang secara langsung. Ini bermakna bahawa industri pelancongan negeri ini telah menunjukkan satu contoh atau satu *trend* yang baru, yang mana sejak tahun 1982 sehingga hari ini, kita telah menunjukkan ini *trend* atau satu *upward trend* yang baru.

Tuan Speaker, berbagai usaha sedang diambil untuk mewujudkan Jawatankuasa untuk merancang dan mengkoordinasikan segala program dan aktiviti untuk menjayakan tahun melawat ke Pulau Pinang pada tahun yang akan datang dan program-program dan aktiviti-aktiviti yang akan dirancang akan merangkumi dan mencerminkan semua ciri-ciri kebudayaan dan nilai-nilai kebudayaan bangsa kita. Jawatankuasa ini juga akan menggunakan semua pengalaman-pengalaman yang telah didapati dalam tahun 1987 ini supaya kita dapat menyediakan satu program bagi tahun melawat atau melancong ke Pulau Pinang pada tahun 1988 supaya program yang akan datang akan menjadikan satu program yang istimewa dan lebih menarik.

Jadi program sepanjang tahun untuk merayakan tahun 1988 sebagai tahun melancong ke Pulau Pinang bukan hanya akan meningkatkan nama Negeri Pulau Pinang sebagai satu destinasi utama atau destinasi pelancongan utama dalam negara kita, akan tetapi juga akan memastikan bahawa pelawat-pelawat yang akan melancong ke Pulau Pinang pada tahun yang akan datang boleh menikmati atau mengambil bahagian

dalam aktiviti-aktiviti yang menarik dan juga melalui program-program ini, kita akan memastikan bahawa semua pelawat-pelawat yang berkunjung ke Pulau Pinang pada tahun akan datang akan menikmati satu masa di Pulau Pinang yang menarik dan berguna.

Jadi Tuan Speaker, itulah ucapan ringkas saya dan pada akhirnya, saya ingin sekali lagi menyokong Rang Undang-undang Perbekalan tahun 1988.

Sekian, terima kasih.

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, saya ucapkan berbilang terima kasih kepada sahabat-sahabat saya, Yang Berhormat Ahli-ahli dalam Dewan ini yang telah mengambil perbincangan dan menyokong dengan Rang Undang-undang yang telah dibentangkan. Nampak saya Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 1988 telah diterima oleh semua pihak yang ada di Dewan ini, dan barangkali juga telah diterima oleh pihak yang tidak ada di dalam Dewan ini.

Tuan Speaker, apa yang terjadi pada tahun dahulu bagi tahun 1987, saya telah terangkan di dalam Dewan ini, Kerajaan Negeri ingin mengawal dengan wang belanjawan dengan pengubahsuaian pentadbiran yang kita ada dan daripada beberapa Jawatankuasa dengan perkhidmatan kita telah mengawal wang yang kita luluskan untuk belanjawan tahun 1987, dan di bawah Pejabat Kewangan, kita telah berjaya untuk mengawal wang-wang yang telah kita luluskan untuk tahun 1987 dengan jayanya. Untuk tahun depan saya harap Kerajaan boleh lagi menjalankan satu peringkat baru yang mana Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan di dalam Jawatankuasa yang ditubuhkan di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan boleh lagi menambah jawatankuasa kecil yang mana semua Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Dewan Undangan ini boleh bekerjasama lebih rapat lagi dengan Kerajaan untuk mengawal wang bekalan yang kita ada untuk tahun 1988. Inilah

yang membuatkan saya menerima cadangan dari Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pasir apabila beliau menyokong dengan usul saya tadi.

Tuan Speaker, adalah banyak perkara-perkara yang teliti yang dibawa oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat, dan ini tentulah kita ambil perhatian dan tindakan sewajarnya. Saya tidak boleh dan tidak tahu serta tidak cukup pandai nak buat pantun, tapi saya mesti kata syabas kepada Yang Berhormat Ahli Kawasan Paya Terubong. Saya rasa kalau kita bersih, cuci dengan bau busuk DAP, barangkali kita ada peluang menjadi wakil rakyat yang ada bertanggungjawab. Barangkali perkara-perkara bukan sahaja berkaitan dengan kawasan Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Paya Terubong saja tetapi Bukit Bendera, Mengkuang, KOMTAR, Dewan Sri Pinang semua pun telah dimasukkan, tetapi macam mana pun saya nampak beliau telah baca dengan teliti kertas yang telah kita bentangkan yang saya rasa Kerajaan selalu bersedia dengan kertas-kertas untuk Dewan ini dan kita membentangkan kertas-kertas ini selepas beberapa kajian tetapi kebanyakan Ahli-ahli tidak dapat membaca dengan cukup sampai satu-satu *item* dan saya tidak tahu bagaimana Yang Berhormat dapat mengira panggilan telefon, panggilan telefon keluar, berapa lambat panggilan telefon tak sampai dan ini sungguh pandai. Kalau ada lebih banyak wakil rakyat yang sesungguhnya boleh *cover* dengan Kerajaan Negeri maka sama-samalah kita bekerja lebih untuk faedah rakyat dalam negeri kita. Tetapi apa yang penting dalam belanjawan besar yang kita telah keluar tahun demi tahun untuk satu institusi semacam Dewan Sri Pinang, sesungguhnya tidak boleh kira daripada wang tunai yang kita keluarkan.

Pendapatan masyarakat kita adalah daripada subsidi sesungguhnya atau daripada bekalan yang Kerajaan keluarkan tahun demi tahun dan telah membawa banyak faedah *culture*, faedah pendidikan rakyat kita, Perpaduan rakyat kita dan kebudayaan rakyat dalam Negeri Pulau Pinang

dan semangat persefahaman yang kita ada di dalam Negeri Pulau Pinang boleh dikira daripada beberapa aturcara-aturcara yang dilaku atau dijalankan di dalam Dewan Sri Pinang. Ini kita tidak boleh kira dalam ringgit atau sen.

Masalah yang dibawa oleh Yang Berhormat Ahli Kawasan Tanjong Bungah *buy first and pay later* itu nampak elok, saya juga suka *buy first and pay later*, tetapi dalam ucapan saya, saya kata sebab kewangan kita *critical* untuk tahun depan. Kita hanya boleh jalankan apa yang kita boleh bayar. Kalau senang kita ambil contoh perumahan kos rendah iaitu Rumah Pangsa, Ayer Itam. Itulah satu rekod lebih kurang 20 tahun yang mana masalah kewangan telah dicapai sampai menyusahkan Kerajaan. Ada banyak orang yang telah dapat rumah tetapi tidak bayar sampai hari ini, sebab itu Kerajaan tidak mencukupi wang untuk bina lebih banyak rumah kos rendah untuk golongan yang berpendapatan rendah. Sebab itu saya ingat tesis *buy now and pay later* adalah tesis yang bahaya sekali.

Tuan Speaker, tadi saya telah membawa satu perkara yang mana saya telah mengambil perhatian untuk rekod dalam Dewan ini, kejadian yang telah ditunjukkan oleh Parti Pembangkang. Tuan Speaker, nampaknya mereka telah bersiap sedia masuk dalam Dewan ini dengan tujuan nak *subvert parliamentary democracy*. Mereka masuk dengan tali putih di pergelangan tangan — tak tahu mereka pakai apa. Pagi ini kita tahu apa tujuan mereka. Tujuan mereka ialah nak tunjuk *parliamentary democracy*, atau demokrasi berparlimen tidak lagi ada. Tetapi sebab Yang Berhormat Ahli-ahli yang mewakili rakyat yang telah dipilih sebagai wakil mereka, kita telah bangun di sini berbincang beberapa perkara yang penting dan dilakukan untuk rakyat dalam kawasan yang kita wakili dan bagi rakyat di seluruh Negeri Pulau Pinang. Tujuan kita adalah untuk bekerjasama mengikut proses demokrasi berparlimen.

Untuk mencapai keputusan yang mana kita boleh bekerja untuk kepentingan dan faedah rakyat dalam negeri kita. Tujuan parti pembangkang nampak saya nak merosotkan sistem *parliamentary democracy*, tetapi sebab ada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Barisan Nasional yang hadir di dalam Dewan ini, kita telah jaga dan kuatkan proses demokrasi berparlimen. Apa yang telah terjadi ialah parti pembangkang telah mati dengan semangat DAP. Saya harap rakyat dalam Negeri Pulau Pinang dan saya percaya rakyat di luar dalam Dewan ini, jika mereka tahu apa yang telah dijalankan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat daripada pihak pembangkang tentulah berasa sedih kerana dalam Negeri Pulau Pinang kita ada wakil rakyat yang langsung tidak ada tanggungjawab untuk rakyat, tetapi tanggungjawab untuk fikiran mereka sendiri.

Tuan Speaker, ini adalah satu hari yang kita tentu boleh ingat balik sebagai satu hari di mana DAP telah jual kepentingan rakyat yang mereka ingin atau sepatutnya mesti diwakili. Saya harap Tuan Speaker, bekalan belanjawan tahun 1988 membawa kita ke satu arah baru, zaman baru yang mana mengikut proses demokrasi berparlimen, kita di dalam Dewan ini menjalankan tugas kita untuk semua rakyat dalam Negeri Pulau Pinang.

Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga 2.30 petang.

Dewan ditangguh pada jam 12.55 tengah hari.

Dewan disambung semula pada jam 2.35 petang.

Tuan Speaker:

Masalah yang kita hadapi, sekarang ialah Rang Undang-undang dibacakan bagi kali yang kedua. Ahli-ahli yang bersetuju katakan 'ya'.

'Ya'

Ahli-ahli yang tidak bersetuju katakan 'tidak'.

'Ya' sebulat suara.

Setiausaha Dewan:

Rang Undang-undang bernama Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1988 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

Tuan Speaker:

Rang Undang-undang telah dibacakan bagi kali kedua. Rang Undang-undang sekarang ini berada dalam Jawatankuasa Perbekalan:

Jadual

Kepala B.1

— Pejabat Ketua Menteri
dan Pejabat Setiausaha
Kerajaan — \$18,227,490.00

Bahawa jumlah wang sebanyak \$18,227,490.00 untuk Kepala B.1, adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?

(Ya).

Tuan Speaker:

Kepala B.2

— Pejabat Tanah dan
Galian — \$ 1,591,040.00

Bahawa jumlah wang sebanyak \$1,591,040.00 untuk Kepala B.2, adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?

(Ya).

Tuan Speaker:

Kepala B.3

— Daerah dan Tanah
Daerah Timur
Laut — \$ 786,090.00

Bahawa jumlah wang sebanyak \$786,090.00 untuk Kepala B.3, adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?

(Ya).

Tuan Speaker:

Kepala B.4
 – Daerah dan Tanah,
 Daerah Barat
 Daya – \$ 911,380.00

Bahawa jumlah wang sebanyak \$911,380.00 untuk Kepala B.4, adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?

(Ya).

Tuan Speaker:

Kepala B.5
 – Daerah dan Tanah,
 Seberang Perai
 Utara – \$ 1,218,230.00

Bahawa jumlah wang sebanyak \$1,218,230.00 untuk Kepala B.5, adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?

(Ya).

Tuan Speaker:

Kepala B.6
 – Daerah dan Tanah,
 Seberang Perai
 Tengah – \$ 1,036,390.00

Bahawa jumlah wang sebanyak \$1,036,390.00 untuk Kepala B.6, adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?

(Ya).

Tuan Speaker:

Kepala B.7
 – Daerah dan Tanah,
 Seberang Perai
 Selatan – \$ 889,150.00

Bahawa jumlah wang sebanyak \$889,150.00 untuk Kepala B.7, adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?

(Ya).

Tuan Speaker:

Kepala B.8
 – Jabatan Pasir dan
 Taliair – \$ 7,008,840.00

Bahawa jumlah wang sebanyak \$7,008,840.00 untuk Kepala B.8, adakah menjadi sebahagian daripada Jadual.

(Ya).

Tuan Speaker:

Kepala B.9
 – Jabatan Hutan – \$ 633,700.00

Bahawa jumlah wang sebanyak \$633,700.00 untuk Kepala B.9, adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?

(Ya).

Tuan Speaker:

Kepala B.10
 – Pejabat Kebun
 Bunga – \$ 792,740.00

Bahawa jumlah wang sebanyak \$792,740.00 untuk Kepala B.10, adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?

(Ya).

Tuan Speaker:

Kepala B.11
 – Jabatan Kedai
 Tuak – \$ 1,350,710.00

Bahawa jumlah wang sebanyak \$1,350,710.00 untuk Kepala B.11, adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?

(Ya).

Tuan Speaker:

Kepala B.12
 – Jabatan Kerja
 Raya – \$16,038,140.00

Bahawa jumlah wang sebanyak \$16,038,140.00 untuk Kepala B.12, adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?

(Ya).

Tuan Speaker:

Kepala B.13
 – Jabatan Hal-Ehwal
 Agama Islam – \$ 2,217,260.00

Bahawa jumlah wang sebanyak \$2,217,260.00 untuk Kepala B.13, adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?

(Ya).

Tuan Speaker:

Kepala B.14
– Jabatan Kebajikan
Masyarakat – \$ 1,663,000.00

Bahawa jumlah wang sebanyak \$1,663,000.00 untuk Kepala B.14, adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?

Tuan Speaker:

Kepala B.15
– Jabatan Perancang
Bandar dan
Desa – \$ 569,090.00

Bahawa jumlah wang sebanyak \$569,090.00 untuk Kepala B.15, adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?

(Ya).

Tuan Speaker:

Kepala B.16
– Pejabat Kewangan
Negeri – \$11,853,120.00

Bahawa jumlah wang sebanyak \$11,853,120.00 untuk Kepala B.16, adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?

(Ya).

Tuan Speaker:

Kepala B.17
– Jabatan Haiwan – \$ 1,289,790.00

Bahawa jumlah wang sebanyak \$1,289,790.00 untuk Kepala B.17, adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?

(Ya).

Tuan Speaker:

Kepala B.18
– Jabatan Pertanian – \$ 2,335,580.00

Bahawa jumlah wang sebanyak \$2,335,580.00 untuk Kepala B.18, adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?

(Ya).

Setiausaha Dewan:

Fasal 1.

Tuan Speaker:

Fasal 1, adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?

(Ya).

Setiausaha Dewan:

Fasal 2.

Tuan Speaker:

Fasal 2, adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?

(Ya).

Setiausaha Dewan:

Rang Undang-undang bernama suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1988 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi perkhidmatan bagi tahun itu.

Tuan Speaker:

Tajuk penuh dan fasal yang menggunakan, adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

(Ya).

Tuan Speaker:

Dewan bersidang semula.

Ketua Menteri:

Saya mohon melaporkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 1988 (1987) telahpun dipertimbangkan sefasal demi sefasal dalam Jawatankuasa dan dipersetujui tanpa pindaan. Oleh itu saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini sekarang dibacakan bagi kali yang ketiga serta diluluskan.

Tuan Speaker:

Masalah yang kita hadapi sekarang ialah Rang Undang-undang kini dibacakan bagi kali yang ketiga serta diluluskan.

Ahli-ahli yang bersetuju katakan 'ya'.

'Ya'.

Ahli-ahli yang tidak bersetuju katakan 'tidak'.

'Ya' sebulat suara.

Setiausaha Dewan:

Enakmen Perbekalan (1988), 1987.. Maka dengan ini adalah diperundangkan oleh Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

Tuan Speaker:

Rang Undang-undang telah dibacakan bagi kali ketiga serta diluluskan.

5. (B) Rang Undang-undang Pentadbiran Agama Islam (Pindaan) 1987.

Ahli Kawasan Ara Rendang (Encik Zakaria bin Bakar):

Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Pindaan) 1959 dibacakan bagi kali yang pertama.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

Setiausaha Dewan:

Rang Undang-undang yang bernama suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Pindaan) 1959.

Tuan Speaker:

Rang Undang-undang dibacakan bagi kali pertama.

Ahli Kawasan Ara Rendang (Encik Zakaria bin Bakar):

Tuan Speaker, saya memohon ke-

benaran Tuan Speaker di bawah Peraturan Majlis Mesyuarat 118 bagi mencadangkan penggantungan Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat bagi membolehkan Rang Undang-undang ini dibawa di dalam semua peringkatnya di dalam Majlis Mesyuarat ini.

Tuan Speaker:

Saya memberi kebenaran di atas cadangan penggantungan Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat.

Ahli Kawasan Ara Rendang (Encik Zakaria bin Bakar):

Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat digantungkan kuatkuasanya untuk sementara bagi membolehkan Rang Undang-undang ini dibawa di semua peringkatnya di dalam Majlis Mesyuarat ini.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

Tuan Speaker:

Masalah yang kita hadapi sekarang ialah cadangan untuk menggantungkan Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat di bawah Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat 118 bagi membolehkan Rang Undang-undang ini dibawa di dalam semua peringkatnya di dalam Majlis Mesyuarat ini dipersetujui.

Ahli-ahli yang bersetuju katakan 'ya'.

'Ya'.

Ahli-ahli yang tidak bersetuju katakan 'tidak'.

'Ya' sebulat suara.

Setiausaha Dewan:

Rang Undang-undang Pentadbiran Agama Islam (Pindaan) 1987 bacaan kali yang kedua.

Ahli Kawasan Ara Rendang (Encik Zakaria bin Bakar):

Tuan Speaker, saya memohon men-

cadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pentadbiran Agama Islam 1959 dibacakan bagi kali kedua.

Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa Dewan ini meluluskan suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pentadbiran Agama Islam 1959. Enakmen tersebut adalah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Pindaan) 1987 yang telah diwartakan di dalam Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 5 November, 1987, dan hendaklah berkuatkuasa pada tarikh yang Yang Di Pertuan Agong boleh melalui pemberitahu Warta menetapkan kecuali Seksyen-seksyen 149 dan 150 disebut dalam Jadual yang hendaklah berkuatkuasa pada tarikh yang sama sepertimana tarikh berkuatkuasa Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Pulau Pinang) 1985.”

Tuan Speaker, usul ini bertujuan memohon Kuasa Dewan Undangan Negeri meluluskan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Pindaan) 1987, yang melibatkan beberapa peruntukan baharu yang dibahagikan kepada dua Fasal.

Fasal 1 adalah memperuntukkan berkuatkuasanya Enakmen yang dicadangkan dan Fasal 2 pula adalah memberi peruntukan baharu kepada Seksyen 10 mengenai penyusunan semula haraki Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang. Peruntukan Seksyen Kecil 10(2) sekarang menyatakan bahawa Yang DiPertua Jabatan Hal-Ehwal Agama adalah secara merangkap menjadi Yang Di Pertua Majlis Agama Islam. Dengan pindaan Enakmen ini adalah dicadangkan supaya kedua-dua jawatan ini diasingkan iaitu dengan melantik seorang lain memegang jawatan Yang Di Pertua Majlis Agama Islam khususnya untuk mengendalikan urusan Majlis. Manakala urusan pentadbiran jabatan, dikendalikan oleh Pe-

ngarah Jabatan Hal-Ehwal Agama. Di samping itu, di dalam Enakmen (Pindaan) 1987 ini juga dinyatakan supaya diwujudkan jawatan Timbalan Yang Di Pertua Majlis Agama Islam. Ini adalah perlu untuk melicinkan pentadbiran Majlis. Kedua-dua perantukan tersebut adalah dibuat dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong di atas perakuan Tuan Yang Terutama Yang Di Pertua Negeri.

Lain-lain cadangan ialah pindaan kepada Seksyen 11, 17, 18 sepertimana dalam Rang Undang-undang.

Tuan Speaker, adalah dicadangkan supaya diperkanunkan balik Seksyen-seksyen 149 dan 150 yang dahulunya dimansuhkan di dalam Akta Keluarga Islam yang telah dibentangkan di dalam Dewan Yang Mulia ini pada tahun 1984.

Untuk makluman bersama, Seksyen 149 yang perlu diperkanunkan balik dalam Akta Keluarga Islam yang telah dibentangkan di dalam Dewan Yang Mulia ini pada tahun 1984.

Untuk makluman bersama, Seksyen 149 yang perlu diperkanunkan balik dalam Enakmen Ibu, ianya menyentuh mengenai perbuatan khalwat dan hukuman bersabit dengan kesalahan berkhawat dan Seksyen 150 pula adalah menyentuh mengenai perisetubuhan haram di antara orang-orang yang bercerai dan hukuman-hukuman yang bersabit dengan kesalahan tersebut.

Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

Tuan Speaker:

Siapa yang ingin mengambil bahagian?

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang ini dan sesungguhnya selepas kita meluluskan Rang Undang-undang ini, walaupun ia adalah berkaitan dengan pihak orang-orang Islam, tetapi saya berasa semua penduduk di dalam Negeri Pulau Pinang bersetuju dengan Rang Undang-undang ini, dan kita pun tidak salah faham Rang Undang-undang ini bukan sahaja berkenaan dengan orang-orang Islam.

Ini adalah satu Rang Undang-undang yang mana Kerajaan telah mengambil balik Rang Undang-undang dahulu selepas Parti Pembangkang dalam satu mesyuarat telah membawa perhatian kepada Kerajaan, ada beberapa pihak yang mereka harapkan boleh jelaskan keterangan ini. Dengan semangat yang kita harap, pihak pembangkang dan sesungguhnya mengikut proses demokrasi Parlimen, kita telah membawa balik Rang Undang-undang ini untuk mengkaji semula dan kita telah membuat pindaan dan kita harap semua yang ada di dalam Dewan ini boleh terima dengan sepenuhnya hati. Sedihlah saya rasa tidak ada seorang Ahli Pembangkang yang menunjukkan semangat yang kita boleh bekerjasama, tetapi saya harap bila Rang Undang-undang ini telah diluluskan, ini akan menjadi satu Rang Undang-undang yang kita harap semua pihak akan menyokong dengan sepenuhnya.

Tuan Speaker:

Siapa ingin mengambil bahagian?

Masalah yang kita hadapi sekarang ialah Rang Undang-undang dibacakan bagi kali kedua. Ahli yang bersetuju katakan 'ya'.

'Ya'.

Ahli-ahli yang tidak bersetuju katakan 'tidak'.

'Ya' sebulat suara.

Setiausaha Dewan:

Rang Undang-undang bernama suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pentadbiran Agama Islam 1959.

Tuan Speaker:

Rang Undang-undang telah dibacakan bagi kali yang kedua. Rang Undang-undang sekarang berada dalam Jawatankuasa.

Setiausaha Dewan:

Fasal 1.

Tuan Speaker:

Fasal 1, adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?

(Ya).

Setiausaha Dewan:

Fasal 2.

Tuan Speaker:

Fasal 2, adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?

(Ya).

Setiausaha Dewan:

Rang Undang-undang yang bernama suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pentadbiran Agama Islam 1959.

Tuan Speaker:

Tajuk penuh dan fasal yang mengundangkan adakah menjadi sebahagian daripada Undang-undang?

(Ya).

Ahli Kawasan Ara Rendang (Encik Zakaria bin Bakar):

Tuan Speaker, saya mohon melaporkan bahawa Rang Undang-undang Pentadbiran Agama Islam (Pindaan) 1987 telah dipertimbangkan sefasal demi sefasal di dalam Jawatankuasa dan dipersetujui tanpa pindaan. Oleh itu saya bermohon

mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini sekarang dibacakan bagi kali yang ketiga serta diluluskan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

• Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

Tuan Speaker:

Masalah yang kita hadapi sekarang ialah Rang Undang-undang dibacakan bagi kali yang ketiga serta diluluskan. Ahli-ahli yang bersetuju katakan 'ya'.

'Ya'.

Ahli-ahli yang tidak bersetuju katakan 'tidak'.

'Ya' sebulat suara.

Setiausaha Dewan:

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Pindaan) 1987, maka inilah diperundangkan oleh Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

Tuan Speaker:

Rang Undang-undang dibacakan bagi kali ketiga serta diluluskan.

6. USUL-USUL:

(A) Usul dari Y.A.B. Ketua Menteri.

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan "Bahawa Dewan ini meluluskan perbelanjaan sebanyak \$38,782,220.00 yang tertunjuk di dalam Anggaran Pembangunan Negeri Pulau Pinang 1988, yang dibentangkan sebagai Risalah Dewan Undangan Negeri Bilangan 11 Tahun 1987 dan menetapkan bahawa jumlah yang tersebut hendaklah digunakan bagi tujuan-tujuan yang ditetapkan di dalam Anggaran Pembangunan 1988 itu".

Tuan Speaker, usul ini bertujuan meminta kuasa Dewan Undangan Negeri meluluskan perbelanjaan yang berjumlah

\$38,782,220.00 bagi tahun 1988 mengikut kehendak Seksyen 4(1) Akta Pembangunan 1966, seperti terpakai kepada Negeri Pulau Pinang di bawah Seksyen 9 Akta yang sama.

Tuan Speaker, bagi tahun 1988 kita mesti dijangka bahawa kedudukan kewangan dunia masih tidak menentu dan mengelirukan, dan bahawa kesan ekonomi antarabangsa ke atas ekonomi kita akan menjadi serius. Dengan keadaan yang begini dalam merancang program-program pembangunan bagi tahun hadapan, Kerajaan akan mencadangkan perbelanjaan pembangunan yang sesungguhnya berdasarkan kepada prestasi berbagai jabatan dalam tahun 1987.

Tuan Speaker, bagi sepanjang tahun 1987, perbelanjaan berjumlah \$50,356,880.00 telah diluluskan bagi Kumpulanwang Pembangunan. Adalah dijangka bahawa hanya \$26,635,180.00 akan dibelanjakan menjelang akhir tahun ini. Ini merupakan 53% sahaja dari jumlah peruntukan yang diluluskan pada mulanya.

Saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap kenyataan bahawa akibat kesukaran kewangan yang dihadapi oleh Kerajaan Persekutuan dalam tahun 1987, sebahagian peruntukan Kerajaan Persekutuan dalam tahun 1987, sebahagian peruntukan Kerajaan Persekutuan bagi projek-projek tertentu di dalam Anggaran Perbelanjaan 1987 terpaksa senantiasanya dikaji semula. Sepanjang tahun ini beberapa projek bernilai \$12,515,670.00 yang telah pada asalnya diluluskan sebagai projek-projek pinjaman dan imbuhan balik telah ditarik balik. Dengan ini anggaran yang diperbetulkan bagi tahun 1987 adalah sebenarnya berjumlah \$37,841,210.00. Adalah jelas kelihatan bahawa Anggaran Perbelanjaan bagi 1987 bergantung lebih banyak kepada sumber-sumber kewangan negeri sendiri iaitu berjumlah \$16,040,180.00.

Cadangan perbelanjaan yang ber-

jumlah \$38,782,220.00 bagi tahun 1988 melalui Kumpulanwang Pembangunan Negeri akan diperolehi dari punca seperti yang tertera dalam muka surat 205 Bilangan Kertas 11 Tahun 1987. Dari jumlah ini \$9,000,000.00 yang diperolehi daripada pinjaman Kerajaan Persekutuan dan \$6,350,000.00 adalah disediakan melalui imbuhan balik projek-projek Persekutuan. Selainnya, perbelanjaan pembangunan yang berjumlah \$23,432,210.00 akan dibiayai sebagai perbelanjaan secara langsung dari-punca Kerajaan Negeri sendiri.

Tuan Speaker, bagi tahun 1988 sejumlah \$15,575,140.00 diperuntukkan di bawah Maksud P.101 — Ketua Menteri dan Setiausaha Kerajaan. Dari jumlah ini, \$5,000,000.00 disediakan untuk Perumahan Kos Rendah yang akan dibiayai melalui pinjaman dari Kerajaan Persekutuan. Dengan kesempitan kedudukan kewangan, Kerajaan Negeri akan terus menggalakkan lebih banyak lagi pemaju-pemaju perumahan mengambil bahagian dalam Program Penswastan Perumahan. Sehingga sekarang di bawah Fasa 1, sebanyak 6,981 unit rumah kos rendah dan 3,384 unit rumah kos sederhana adalah sedang di berbagai peringkat pembinaan. Fasa II yang akan dilaksanakan dalam tahun 1988, akan melibatkan pembinaan sebanyak 1,643 unit rumah kos rendah dan 265 unit rumah kos sederhana.

Memandangkan prestasi dalam sektor perumahan ekonomi kita yang begitu lembab sekarang ini, Kerajaan Negeri telah mengarahkan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang supaya membina lebih banyak projek rumah kos rendah jelas klaster yang sangat disukai oleh rakyat kita khususnya dari golongan yang berpendapatan rendah. Beberapa projek yang mengandungi, 1,841 unit sedang dibina di Pulau dan juga di Seberang Perai.

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri memberi peruntukan sejumlah \$2,000,000.00 setahun untuk memperbaiki keadaan rumah-rumah yang sedia ada. Ini adalah perlu

kerana kos penyelenggaraan yang tinggi dan kutipan yang tidak mencukupi dari penghuni. Sungguhpun kita telah mengekalkan kadar penyelenggaraan seberapa rendah yang mungkin terdapat sebilangan penghuni sekim perumahan Kerajaan yang mengabaikan tanggungjawab sosial dan sibik mereka membayar ansuran bulanan mereka. Tunggakan mereka kepada Kerajaan sekarang telah berjumlah \$6,000,000.00. Kerajaan Negeri amat mengambil berat mengenai perkara ini bukan sahaja kerana mereka telah melanggar perjanjian sewaan dan belian, malah mereka juga telah gagal dalam tanggungjawab sibik mereka mengekalkan hasil yang dijangka oleh Kerajaan. Ini bererti wang yang telah ditentukan untuk membina lebih banyak rumah kos rendah bagi faedah lebih ramai lagi rakyat kita telah tidak diperolehi. Tindakan undang-undang adalah sedang dipertimbangkan untuk merampas rumah-rumah yang terlibat.

Di bawah Maksud P.101, Butiran 6, sejumlah \$1,500,000.00 diperuntukkan bagi projek Pembangunan Masyarakat untuk menyediakan kemudahan asas dan prasarana kepada penduduk luar bandar. Projek-projek ini termasuk pembaikan dan pembinaan lintasan jeti, pembetung dan jambatan serta kemudahan rekreasi. Kerajaan akan terus untuk berbuat apa sahaja yang boleh untuk memperbaiki taraf dan mutu kehidupan penduduk kita yang tinggal di luar bandar. Kemudahan asas dan prasarana yang disediakan oleh Kerajaan akan membantu penduduk luar bandar menambah pendapatan mereka dengan memperbaiki sumber ekonomi masing-masing. Dalam kontek ini, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan. Kampung digiatkan untuk mengenalpasti infrastruktur penting yang diperlukan di kawasan-kawasan luar bandar. Pejabat-pejabat Daerah akan menyediakan peta-peta daerah yang dikemaskini, mengumpul dan mengemaskini data sosio-ekonomi dan mewujudkan jentera atau sistem yang lebih berkesan untuk menyelaras kemajuan projek-projek yang dilaksanakan di tiap-tiap daerah. Dengan perlaksana-

an pengumpulan dan perancangan maklumat yang berasaskan "Buku Merah 2", Pejabat-pejabat Daerah diharap akan berkeupayaan melaksanakan pengenalan pasti dan pengawalan yang berkesan ke atas kemudahan asas dan infrastruktur dalam kawasan masing-masing.

Tuan Speaker, sejumlah \$4,000,000.00 secara pinjaman adalah disediakan di bawah Maksud P.101, Butiran 45 kepada Pihak Berkuasa Air untuk membiayai sekim bekalan airnya untuk memastikan bekalan air yang mencukupi dalam negeri ini bagi pertumbuhan masa akan datang. Kerajaan Negeri juga memperuntukkan sejumlah \$1,500,000.00 untuk pengambilan tanah, di mana \$845,000.00 akan dibelanjakan ke atas pengambilan tanah dengan tujuan untuk pembinaan jalan masuk ke kawasan Perindustrian Perai. Peruntukan bagi lain-lain butiran di bawah Maksud P.101 adalah berjumlah \$2,235,140.00.

Tuan Speaker, selari dengan Dasar Pertanian Negara untuk meningkatkan sumbangan sektor pertanian terhadap Pembangunan Ekonomi Negara, Kerajaan Negeri akan terus meninggikan produktiviti dan meningkatkan kehidupan para petani, nelayan dan penternak dalam negeri ini. Penduduk di negeri kita yang sentiasa bertambah yang kini telahpun menjangkau 1.03 juta menjadi penggerak kepada petani kita untuk memaksimumkan penggunaan tanah mereka supaya mengeluarkan lebih banyak makanan untuk penduduk yang semakin meningkat. Di bawah Maksud P.102, sejumlah \$2,038,670.00 disediakan untuk Jabatan Pertanian bagi tahun 1988.

Di bawah Maksud P.102, Butiran 19, sejumlah \$450,000.00 disediakan untuk Projek Pemulihan dan Penyesuaian Tanah Pertanian. Ini ialah untuk memajukan tanah terbiar dan memulihkannya dengan menanam tanaman seperti padi atau buah-buahan dan sayur-sayuran. Peruntukan ini juga untuk membiayai minyak, alat-alat pengganti dan lain-lain kos yang berkaitan. Peruntukan sebanyak \$416,750.00 di bawah

Butiran 9 juga disediakan untuk menambah khidmat pengembangan yang sangat penting untuk menjayakan pelaksanaan projek-projek pertanian. Peruntukan ini akan digunakan untuk melengkapkan beberapa buah pusat latihan pertanian, menyediakan latihan serta melawat sambil belajar kepada petani-petani dan pegawai-pegawai pengembangan, membeli alat-alat kelengkapan bagi berbagai aktiviti-aktiviti pengembangan dan juga menyediakan petak dan ladang bimbingan demonstrasi yang bertujuan untuk meluaskan penggunaan teknologi pertanian.

Tuan Speaker, sejumlah \$341,600.00 disediakan untuk Butiran 12 bagi program memperkenalkan dan memajukan tanaman yang terpilih seperti barangan makanan, sayur-sayuran, buah-buahan, bunga-bunga dan juga pemeliharaan lebah di kawasan tertentu. Tujuan utama projek-projek begini ialah untuk menunjukkan pentingnya konsep pertanian berkelompok kepada petani kita dan juga menggalakkan mereka menerima sekim yang serupa. Selain dari itu sejumlah \$65,000.00 disediakan di bawah Butiran 21 untuk program pengurusan dan pengawalan serangga yang akan digunakan untuk membeli alat-alatan dan jentera untuk mengawal penyakit serangan serangga.

Tuan Speaker, di bawah Maksud P.102, Butiran 20, sejumlah \$384,310.00 diperuntukkan untuk Projek-projek Pertanian Kampung Bersepadu dengan kerjasama jabatan-jabatan seperti Jabatan Kemajuan Masyarakat, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan Jabatan Perikanan yang diselaraskan dengan Jawatankuasa Pertanian Negeri. Selain dari itu sejumlah \$381,000.00 disediakan di bawah Butiran 8 untuk memajukan Pusat Pertanian Relau, Cerok Tok Kun, Bumbung Lima, Sungai Acheh dan Pusat Pertanian Genting untuk memberi kemudahan latihan dan pengembangan perkhidmatan kepada petani.

Tuan Speaker, Jabatan Parit dan Tali-air di bawah Maksud P.103 diperuntukkan sejumlah \$4,585,840.00 bagi tujuan melaksanakan berbagai projek dalam tahun 1988.

Dari jumlah ini, sebanyak \$2,747,000.00 disediakan bagi memperbaiki dan meningkatkan infrastruktur asas pertanian seperti parit, taliair, jalan ladang, jambatan dan pembetong. Kerajaan Negeri berazam untuk mencapai pembangunan pertanian yang lebih lagi di negeri kita dan projek-projek negeri akan ditambah dengan peruntukan sebanyak \$5,200,000.00 yang disediakan di bawah Belanjawan Projek-projek Pembangunan Pertanian Bersepadu. Di bawah program ini seluas 11,000 hektar kawasan pertanian akan mendapat faedah. Program-program ini akan mempercepatkan proses memodenkan sektor pertanian di negeri kita ke arah pengurusan ladang secara estetik dan penggunaan jentera untuk menyelesaikan masalah kekurangan tenaga buruh di dalam sektor ini. Sejumlah \$715,600.00 disediakan untuk Projek Pencegahan Banjir bagi melindungi seluas 1,750 hektar kawasan di luar bandar dan 36.5 hektar bagi kawasan kediaman dan perdagangan.

Tuan Speaker, jumlah perbelanjaan yang dicadangkan bagi Jabatan Kerja Raya ialah \$8,672,630.00. Dari jumlah ini sebanyak \$1,200,040.00 akan dibelanjakan bagi projek-projek bukan imbuhan jalan-jalan negeri dan \$1,400,000.00 untuk projek-projek imbuhan jalan-jalan negeri. Projek-projek imbuhan jalan-jalan negeri adalah berkaitan dengan pembinaan jalan-jalan kampung yang secara langsung memberi faedah kepada negeri ini. Di samping itu peruntukan sebanyak \$4,449,070.00 akan disediakan untuk jalan dan Jambatan Negeri termasuk projek yang telah diluluskan bagi pembinaan semula jambatan di sepanjang jalan Tasek Glugor dan Ara Kuda, maka jarak perjalanan akan dikurangkan sejauh 12 kilometer. Untuk menaikkan taraf jalan tanah merah kepada jalan yang bertar, sejumlah \$600,000.00 diperuntukkan bagi tahun depan. Adalah dijangka bahawa sejauh 4.4 kilometer jalan-jalan luar bandar akan ditar dan ini akan memberi faedah kepada penduduk-penduduk di kawasan tersebut.

Tuan Speaker, di bawah Maksud P.109, sejumlah \$819,020.00 diperuntukkan kepada Jabatan Haiwan. Pemberian lembu, kerbau, kambing, ayam, itik akan diteruskan dalam tahun 1988 mengikut permintaan dari penternak kita. Di bawah Butiran 12 — Projek Ternakan Bersepadu, sejumlah \$200,000.00 diperuntukkan. Projek-projek yang akan dilaksanakan adalah Rancangan Ternakan Berkelompok Anak Itek Telor dan Projek Ternakan Rusa. Di bawah Sekim Penggemukan Lembu, sejumlah \$50,000.00 disediakan, untuk memberikan 100 ekor lembu kepada penternak kita. Memandangkan projek-projek ini tidak memerlukan tanah dan menggunakan tenaga yang sedikit, maka adalah dijangka projek ini akan mendapat sambutan yang baik dan memberi manfaat kepada penternak-penternak yang berminat menambah pendapatan mereka melalui ternakan binatang. Adakah dijangka iaitu hasil dari pelaksanaan projek-projek ini, penternak di kawasan luar bandar akan memperolehi pendapatan yang lebih baik dan menguntungkan. Ini juga akan menghasilkan cara hidup yang lebih baik kepada penternak Negeri Pulau Pinang.

Tuan Speaker, satu peruntukan sebanyak \$553,920.00 disediakan di bawah Maksud P.114 untuk Jabatan Perhutanan. Dari jumlah ini, \$390,400.00 akan digunakan untuk menjalankan Rancangan Perhutanan Sosial yang termasuk pembangunan Hutan Lipur dan Muzium Perhutanan. Kawasan Perhutanan Lipur di Pantai Keracut, Sungai Tukun, Telok Kampi, Bukit Mertajam, Telok Bahang dan Hutan Simpanan Relau akan terus diperbaiki. Sejumlah \$133,320.00 adalah juga disediakan di bawah Rancangan Pembangunan tenaga manusia dan infrastruktur dan sejumlah \$30,200.00 disediakan untuk pelaksanaan Rancangan Pengurusan dan Pembangunan.

Untuk Jabatan Hal-Ehwal Agama di bawah Maksud P.115 diperuntukkan sejumlah \$2,823,000.00 dalam tahun 1988.

Dari jumlah ini \$740,000.00 disediakan untuk membina dan menyiapkan bangunan pejabat, Mahkamah Syariah dan rumah-rumah Kadi di Jawi, Balik Pulau dan Butterworth. Projek yang dicadangkan adalah merupakan projek sambungan Rancangan Malaysia Keempat. Lagi sejumlah \$450,000.00 di bawah Butiran 2 juga diperuntukkan untuk pembinaan bangunan melihat anak bulan di Pantai Aceh, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang.

Di bawah Butiran 4, sejumlah \$800,000.00 diperuntukkan untuk pembinaan mesjid baru di Seberang Jaya. Projek ini dijangkakan menelan belanja lebih kurang \$1.5 juta dan bakinya \$700,000.00 telah diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan. Selain itu, sejumlah \$538,000.00 juga disediakan untuk pembinaan, pembesaran dan pembaikan mesjid-mesjid dan surau-suru yang menelan belanja antara \$20,000.00 ke \$50,000.00. Projek-projek yang kurang daripada \$20,000.00 dan melebihi \$50,000.00 seperti biasa akan dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan. Jabatan Agama juga mencadangkan untuk memberi bantuan subsidi bagi pembaikan dan menaikkan taraf Sekolah Agama Rakyat memandangkan sebahagian bangunan-bangunan tersebut berada dalam keadaan uzur dan tidak boleh digunakan. Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sejumlah \$295,000.00 bagi membolehkan Jabatan Agama menjalankan kerja-kerja tersebut. Kerajaan Negeri bukan sahaja mengambil berat akan kebajikan sosial, ekonomi dan sivik rakyat kita, malahan juga sentiasa menyedari betapa pentingnya mengekalkan aspek-aspek moral, kerohanian dan keagamaan sebagai cara kehidupan kita.

Tuan Speaker, bagi Jabatan Kebun Bunga di bawah Maksud P.116 disediakan peruntukan sebanyak \$214,000 untuk Belanjawan Pembangunan 1988. Jumlah ini akan membolehkan Jabatan Kebun Bunga terus melaksanakan empat projek utamanya iaitu memaju dan memperbaiki kemudahan-kemudahan am, memperluas dan

memperbaiki kemudahan-kemudahan botani dan *horticulture*, memperbaiki Jabatan Kebun Bunga dan Projek Pembekalan Pokok-pokok Hiasan.

Tuan Speaker, peruntukan untuk Anggarang Pembangunan 1988 yang berjumlah \$38,782,220.00 menunjukkan belanjawan yang sebenar berdasarkan prestasi berbagai Jabatan-jabatan Kerajaan Negeri dalam masa sepuluh tahun kebelakangan ini melainkan pada tahun 1982 dan 1983 di mana perbelanjaan ialah sebanyak \$80,889,890.00 dan \$99,389,109.00 yang disebabkan pembayaran yang dibuat kepada pemborong-pemborong untuk projek-projek Perumahan Kos Rendah dan lebih banyak pinjaman yang diterima dari Kerajaan Persekutuan kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan Pihak Berkuasa Air, perbelanjaan sebenar hanyalah berjumlah antara \$25,000,000.00 hingga \$45,000,000.00 sahaja.

Tuan Speaker, kejayaan projek-projek pembangunan ini banyak bergantung kepada sikap rakyat kita. Kita mestilah bekerja keras untuk mengekalkan semangat rakyat kita supaya lebih produktif dan sedia bersaing dalam menjalankan kerja-kerja mereka. Kita mestilah sentiasa mengingatkan rakyat kita betapa pentingnya kestabilan dan keamanan di kalangan masyarakat kita untuk membolehkan negeri ini terus maju. Adalah perlu bagi rakyat sentiasa bekerjasama rapat dengan Kerajaan supaya projek-projek pembangunan boleh dilaksanakan mengikut jadual. Rakyat kita memahami iaitu apa yang kita rancang adalah untuk kebaikan mereka, dan kerana itu, saya percaya mereka akan terus memberi sokongan dan kerjasama tanpa berbelah bagi seperti yang telah diberi oleh mereka kepada Kerajaan pada masa yang lepas.

Kerajaan Negeri berazam untuk melaksanakan kesemua projek-projek yang telah diluluskan mengikut jadual supaya dapat memberikan taraf hidup yang lebih tinggi dan kualiti kehidupan yang lebih baik bagi rakyat kita. Dengan pemotongan

perbelanjaan oleh Kerajaan Persekutuan kerana kesukaran kewangan, keutamaan telah diberi kepada projek-projek yang sangat diperlukan sahaja. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri yakin sungguhpun terdapat kesukaran begini, kita masih boleh meneruskan projek-projek Kerajaan Negeri yang telah ditentukan di bawah Rancangan Malaysia Kelima. Sesungguhnya, sedikit lebihan yang terdapat dalam anggaran menunjukkan harapan kita melaksanakan projek-projek tambahan apabila lebih wang diperolehi.

Tuan Speaker, memandangkan keadaan kewangan di seluruh dunia yang bergelora, kita mesti mencapai pertumbuhan ekonomi melalui perbelanjaan awam yang sangat berhati-hati terutama bagi program-program yang akan lebih menggalakkan penyertaan sektor-sektor swasta. Kecuali kita menyediakan hasil (*economic cake*) yang lebih besar, kita tidak akan berkeupayaan memenuhi berbagai permintaan di pelbagai sektor pembangunan. Walau bagaimanapun Kerajaan telah memberi seberapa banyak perhatian bagi memastikan peningkatan taraf kehidupan yang terdapat dalam masyarakat kita. Perbelanjaan yang tidak mendatangkan hasil akan dikawal rapi oleh Perbendaharaan, dan jabatan-jabatan akan diminta memberi justifikasi sekali lagi mengenai perbelanjaan-perbelanjaan mereka semasa peruntukan disediakan.

Tuan Speaker, untuk beberapa tahun kita telah memberi peringatan kepada Dewan ini mengenai kesan buruk ekonomi antarabangsa terhadap ekonomi kita. Telah terdapat sebilangan rakyat kita yang sengaja memperkecilkan belanjawan Kerajaan untuk pembangunan semata-mata kerana mereka tidak mahu menerima bahawa ekonomi dunia adalah faktor yang amat penting. Walau bagaimanapun krisis antarabangsa baru-baru ini yang menyebabkan keadaan kucar-kacir dalam pasaran saham di seluruh dunia telah menunjukkan dengan jelas bahawa peringatan kita sebelum ini adalah terbukti benar dan amaran yang diberi adalah wajar. Melalui pengalaman yang kita

perolehi di dalam mengawal dengan ketat peruntukan kewangan bagi pembangunan, adalah jelas bahawa kita mesti terus mengamalkan kawalan yang lebih bagi mengekalkan keseimbangan belanjawan pembangunan kita. Kita mesti berazam mengurangkan perbelanjaan kita dan tidak menimbulkan sebarang kurangan dalam belanjawan pembangunan.

Tuan Speaker, tahun 1988 adalah merupakan suatu tahun yang kritikal dan mencabar bagi kita. Meskipun terdapat sedikit pemulihan dalam ekonomi, kita terus menghadapi kadar pertumbuhan yang tidak memuaskan dan masalah pengangguran. Walaupun ini merupakan masalah negara, kita di peringkat negeri mestilah juga sama-sama menanggung sebahagian beban ini. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian menyedari banyak dari projek-projek untuk tahun 1988 akan menyediakan kemudahan dan galakan untuk menambahkan aktiviti pertanian dan perindustrian, oleh itu secara tidak langsung membantu di dalam mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan di negeri kita. Untuk mendapatkan faedah maksima dari projek-projek ini, adalah penting supaya pelaburan dan pengeluaran sektor-sektor swasta menyambut dengan lebih sungguh-sungguh terhadap galakan-galakan ini supaya lebih banyak pekerjaan diwujudkan dan kadar pengangguran dikurangkan. Melalui usaha-usaha bersama dan ketekunan bekerja dari semua pihak, kita yakin bahawa kita akan terus maju dalam pembangunan kita walaupun dalam keadaan kesukaran ekonomi sekarang.

Adalah jelas bahawa perkhidmatan awam kita mesti terus berusaha bagi meningkatkan produktiviti dan kecekapan mereka. Objektif Kerajaan Negeri mestilah ditumpukan sepenuhnya kepada meningkatkan lebih lagi pertumbuhan ekonomi kita. Dalam kontek ini, saya suka mengucapkan terima kasih kepada kakitangan awam yang berkhidmat sama ada di dalam Persekutuan, Negeri atau Badan-badan Berkanun kerana menunjukkan semangat dedi-

kasi yang kuat di dalam kerja mereka dalam tahun-tahun yang lepas. Adalah menjadi harapan kita supaya semangat dedikasi ini akan diteruskan dan diperkuatkan lagi bagi mencapai hasil-hasil yang maksima di dalam perlaksanaan projek-projek pembangunan untuk tahun 1988.

Akhir sekali Tuan Speaker, saya suka mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih di atas sokongan berterusan Kerajaan Persekutuan di bawah pimpinan Y.A.B. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad. Hubungan rapat di antara Kerajaan Negeri dan Persekutuan telah membolehkan kita melaksanakan Dasar Ekonomi Baru dengan jayanya untuk kebaikan rakyat kita. Kerajaan Negeri akan terus berazam dengan sepenuhnya berkhidmat untuk kepentingan semua rakyat kita. Kita akan berusaha untuk mengekalkan perpaduan negara bagi membawa lebih ke-

bahagiaaan dan kesenangan kepada semua rakyat yang tinggal di dalam Negeri Pulau Pinang.

Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan.

Ahli Kawasan Batu Uban (Puan Kee Phaik Cheen):

Tuan Speaker, saya menyokong usul itu.

Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguh sekarang sehingga esok jam 9.30 pagi. Ahli-ahli Yang Berhormat dan pegawai-pegawai dijemput menikmati minuman ringan yang telah disediakan.

Dewan ditangguh pada jam 3.40 petang.